



**PEMULIHARAAN SENI UKIR SEBAGAI IDENTITI
WARISAN MELAYU: TINJAUAN DI KAMPUNG
RAJA, BESUT, TERENGGANU**

Oleh

NOR NAJIHAH BINTI ADNAN

Projek penyelidikan ini disediakan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah
Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2022

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.



TERBUKA

Saya besetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)



SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*



TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi dimana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan



Disahkan oleh:



DAENG HALIZA DAENG JAMAL, PhD.
Pensyarah
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok, Kelantan

980730-11-5448

Dr. Daeng Haliza binti Daeng Jamal

Tarikh: 23/2/2022

Tarikh: 27022022

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PERHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Dipanjatkan kesyukuran kerana dengan limpah kurnianya projek penyelidikan ini dapat disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Di sini juga saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia projek penyelidikan saya, Dr. Daeng Haliza binti Daeng Jamal yang banyak membantu sepanjang proses menyiapkan projek penyelidikan ini. Segala jasa dan tunjuk ajar beliau memberikan pengalaman dan pembelajaran baru buat diri saya untuk kegunaan masa akan datang. Segala bimbingan, nasihat, tunjuk ajar, idea dan segalanya yang diberikan mudah-mudahan diberkati Allah. Ribuan terima kasih ini juga saya tujukan kepada responden-responden yang terlibat kerana sudi meluangkan masa dan memberi kerjasama bagi menyiapkan projek penyelidikan ini.

Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada ibu bapa dan ahli keluarga saya yang banyak memberikan sokongan dan dorongan sepanjang tempoh pengajian dan pengkajian ini. Ucapan terima kasih juga saya titipkan khas kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa membantu untuk menjadi tempat rujukan dan perbincangan sepanjang menjalankan kajian ini.

Tidak dilupakan setinggi-tinggi perhargaan kepada pihak pentadbiran Universiti Malaysia Kelantan yang telah membenarkan projek penyelidikan ini dilaksanakan. Mudah-mudahan penyelidikan ini dapat menyumbang sedikit sebanyak maklumat kepada semua pihak dan rujukan pada masa akan datang.

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
PERAKUAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	vii
SENARAI GAMBAR	viii
ABSTRAK	ix
ABSTRACT	x
BAB I PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	3
1.3 Persoalan Kajian	4
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Skop Kajian	5
1.6 Definisi Operasional	6
1.6.1 Pemuliharaan	6
1.6.2 Seni Ukir	7
1.6.3 Identiti Warisan	7
1.7 Kepentingan Kajian	8
1.7.1 Individu	8
1.7.2 Masyarakat	9

1.7.3	Institusi	10
1.8	Organisasi Penulisan	10
 BAB II KAJIAN LITERATUR		 12
2.1	Pengenalan	12
2.2	Teori Identiti Sosial (1970)	12
2.3	Sorotan Kajian Lepas	16
2.3.1	Pemuliharaan	16
2.3.2	Seni Ukir	21
2.3.3	Identiti Warisan	27
2.4	Kerangka Teoritikal	31
2.5	Kesimpulan	34
 BAB III METODOLOGI KAJIAN		 35
3.1	Pengenalan	35
3.2	Proses Pengumpulan Data	37
3.2.1	Data Sekunder	37
3.2.2	Data Primer	38
3.2.3	Kaedah Kualitatif	41
3.2.4	Kaedah Kuantitatif	41
3.3	Kaedah Analisis Data	42
3.3.1	Analisis Data Kualitatif	42
3.3.2	Analisis Data Kuantitatif	43
3.4	Kesahan dan Kebolehpercayaan	44
3.4.1	Kesahan dan Kebolehpercayaan Data Kualitatif	45

3.4.2	Kesahan dan Kebolehpercayaan Data Kuantitatif	46
3.5	Kesimpulan	47
BAB IV DAPATAN KAJIAN		48
4.1	Pengenalan	48
4.2	Pemuliharaan Seni Ukir Sebagai Identiti Warisan Melayu di Kampung Raja, Besut Terengganu	49
4.2.1	Demografi Responden	49
4.2.2	Pengetahuan Sejarah dan Perkembangan Seni Ukir	51
4.2.3	Peranan Pengukir Dalam Pemuliharaan Seni Ukir	57
4.2.4	Potensi Pemuliharaan Seni Ukir Sebagai Identiti Melayu	62
4.3	Seni Ukiran dan Identiti	69
4.3.1	Proses Pengkategorian Sosial	71
4.3.2	Proses Pengenalan Sosial	73
4.4	Kesimpulan	75
BAB IV RUMUSAN, CADANGAN DAN PENUTUP		76
5.1	Rumusan Kajian	76
5.2	Cadangan	78
5.2.1	Pemantapan Sistem Negara di Peringkat Pengajian Tinggi	78
5.2.2	Pemerkasaan Seni Ukiran dengan Mempelbagaikan Pendokumentasian dan Penerbitan	79

5.2.3 Mengajurkan Bengkel, Seminar dan Latihan	79
Penguasaan Seni Ukiran	
5.2.4 Pemerkasaan Seni Ukiran Selaras Dengan	80
Teknologi Semasa	
5.3 Penutup	81
RUJUKAN	82
LAMPIRAN	86

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

SENARAI JADUAL

NO.		HALAMAN
3.1	Jadual Penentuan Saiz Sample Krejcie & Morgan (1970)	39
3.2	Jadual Pembahagian Soalan Soal Selidik	40
4.1	Demografi Responden	49
4.2	Pengetahuan Sejarah dan Perkembangan Seni Ukir	56
4.3	Peranan Pengukir Dalam Pemuliharaan Seni Ukir	61
4.4	Potensi Pemuliharaan Seni Ukir Sebagai Identiti Melayu	68

SENARAI RAJAH

NO.		HALAMAN
2.1	Profil Penjelasan Mengenai Pendekatan Identiti Sosial	13
2.2	Kerangka Teoritikal Kajian	33
3.1	Carta Alir Reka Bentuk Kajian	36
3.2	Proses Aliran Pembinaan Soalan Soal Selidik	40
4.1	Kerangka Teoritikal Pemuliharaan Seni Ukir Sebagai Identiti Warisan Melayu Tinjauan di Kampung Raja, Besut Terengganu	70

SENARAI GAMBAR

NO.		HALAMAN
4.1	Sijil Pengiktirafan Norhaiza Sebagai Warisan Orang Hidup	52
4.2	Istana Tengku Long	54
4.3	Ruang Dalaman Istana Tengku Long	54
4.4	Istana Tengku Anjang Zahab	55
4.5	Buku Menelusuri Karya Seni Norhaiza	59
4.6	Ukir Sorok Punca	60
4.7	Kukur Bermotifkan Jari Buaya	62
4.8	Kukur Bermotifkan Bunga Kedudu	63
4.9	Sengkalan	63
4.10	Hulu Keris Tanjong	63
4.11	Proses Mengukir Kraf Kayu Menggunakan Mesin Laser	65
4.12	Kraf Kayu Hasil Goresan Laser	66

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**Pemuliharaan Seni Ukir Sebagai Identiti Warisan Melayu: Tinjauan di
Kampung Raja, Besut Terengganu**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sejarah dan perkembangan industri ukiran kayu di Kampung Raja, Besut, Terengganu dan menghuraikan peranan pengukir dalam pemuliharaan warisan ukiran kayu. Di samping itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis potensi pemuliharaan ukiran kayu sebagai identiti warisan di Kampung Raja, Besut, Terengganu. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif iaitu kajian kepustakaan dan kaedah kuantitatif iaitu kaedah soal selidik. Responden dari komuniti dan pengukir Kampung Raja, Besut ditinjau dengan mengaplikasikan Teori Identiti Sosial (1970). Dapatkan soal selidik menunjukkan majoriti responden mempunyai pengetahuan tentang warisan seni ukiran. Penerimaan responden terhadap seni ukiran adalah ditahap yang baik dan memuaskan. Melalui tinjauan ini juga didapati bahawa warisan seni ukiran merupakan identiti masyarakat Melayu yang harus dikekalkan untuk generasi seterusnya.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN


FYPP FTKW

Conservation of Craving Art as a Malay Heritage Identity: A Survey in Kampung Raja, Besut Terengganu

ABSTRACT

This study aims to identify the history and development of the wood carving industry in Kampung Raja, Besut, Terengganu and describe the role of sculptors in the conservation of wood carving heritage. In addition, this study aims to analyze the potential of wood carving conservation as a heritage identity in Kampung Raja, Besut, Terengganu. The research method used in this study is a qualitative method that is a literature review and a quantitative method that is a questionnaire method. Respondents from the community and sculptors of Kampung Raja, Besut were surveyed by applying the Theory of Social Identity (1970). The findings of the questionnaire show that the majority of respondents have knowledge about the heritage of sculpture. Respondents' acceptance of sculpture is at a good and satisfactory level. Through this survey, it was also found that the heritage of sculpture is the identity of the Malay community that should be preserved for the next generation.

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Sebelum kedatangan Islam pada abad ke-13 di Langkasuka, seni ukiran dihasilkan pada ketika itu kebanyakan menggunakan motif Hindu dan Buddha bagi menghormati dewa-dewa. Sejak Islam bertapak di Kerajaan Langkasuka pada abad ke-16, seni ukiran juga berubah dari segi motif, maksud serta tujuan (Ismail Said, 2001). Ukiran merupakan unsur seni yang diterjemahkan dalam bentuk barang melalui simbol kerajinan tangan, ketinggian ilmu serta kemahiran sesebuah bangsa. Simbol dan identiti yang ditonjolkan pada ukiran misalnya ukiran kayu mencerminkan jati diri masyarakat Malaysia (H. Muhamad, 2016). Ekspresi yang dipaparkan melalui ukiran kayu mewakili watak dan budaya masyarakat Melayu di Malaysia. Usaha untuk memahami seni ukiran kayu akan membawa kepada penjelasan tentang ketinggian ilmu pengetahuan, keperipadian diri, tamadun dan budaya sesuatu bangsa. Takrifan ini pula akan membawa kepada tokoh pengukir kayu yang mempunyai pelbagai cara dalam perkembangan industri seni ukiran kayu mereka.

Dalam pada itu, ukiran kayu merupakan satu tradisi serta budaya masyarakat Melayu dalam bidang seni pertukangan tangan yang telah diwarisi dari generasi ke generasi. Dari sudut pandangan masyarakat Melayu, seni ukiran membawa lambang kekayaan menyebabkan darjah ukiran diletakkan paling tinggi. Namun begitu, keindahan seni ukir dapat dilihat dari pelbagai sudut yang perlu dikekalkan dengan sewajarnya.

Di Malaysia, industri seni ukiran berpotensi dibangunkan di bawah industri kayu-kayan negara. Hal ini demikian kerana seni ukiran kayu mempunyai nilai estetika yang tinggi sekaligus mempunyai potensi untuk dikembangkan. Selain daripada produk ukiran yang mempunyai nilai tinggi, seni ukiran yang diaplikasikan dalam bentuk pembuatan perabot, kapal dan sebagainya dapat dijadikan nilai tambah pada sesuatu produk. Seni ukiran juga mampu memberi pulangan harga yang lebih baik kerana mempunyai keunikan dan identiti tersendiri dari segi maksud tersurat dan tersirat.

Menurut Mohd Kheiruddin (2020), kini terdapat seramai 500 orang pengukir yang terlibat dalam industri seni ukiran di Malaysia. Pengukir-pengukir yang masih bergiat aktif terdiri daripada negeri Kedah, Terengganu, Kelantan dan Pahang. Kawasan industri ukiran negara yang tersohor ialah di daerah Besut, Terengganu khususnya di Kampung Raja. Ramai pengukir yang termasyhur negara dalam industri ukiran kayu dilahirkan di Kampung Raja, Besut misalnya seperti Che Long bin Yusof, Tengku Ibrahim bin Tengku Wook, Haji Wan Su bin Othman, Abd Rahman Long, Wan Mustaffa bin Wan Su dan Norhaiza bin Noordin.

Jika ditinjau asal usul Kampung Raja, pada mulanya kampung ini dikenali sebagai Kampung Palembang dalam masa yang sama kemajuan perkembangan ini menyebabkan dikenali sebagai Kota Palembang. Dahulu, kawasan kampung ini merupakan kawasan persinggahan pedagang Palembang dengan Pattani, Thailand. Namun begitu, Kampung Raja, Besut mendapat nama kerana wujudnya pemerintahan insitut beraja serta pembinaan istana pada ketika itu. Terdapat lima orang raja yang memerintah di Kampung Raja pada ketika itu yang berakhir dengan raja Tengku Long. Raja-raja ini dipercayai daripada keturunan Sultan Mansor I (Yusof Kassim, 2019).

Menurut Norhaiza Noordin (2019), lahirnya ramai pengukir tersohor di Besut, Terengganu bertitik tolak daripada sejarah Kampung Raja itu sendiri kerana mempunyai sistem pentadbiran beraja. Dahulu, istana raja seperti Istana Tengku Long serta pembinaan setiap istana yang lain memerlukan tukang kayu dan pengukir tersohor kerana istana perlu dibina rapi dan dihias dengan motif ukiran kayu yang mempunyai maksud tersendiri.

Pada hari ini, sejarah seni ukiran di Kampung Raja, Besut dapat dilihat pada istana raja iaitu Istana Tengku Anjang Zahab atau dikenali sebagai Rumah Melayu Tradisional (Zamri Ibrahim, 1974). Ukiran istana merupakan nilai estetika yang tinggi pada zaman Kerajaan Melayu sehingga tokoh pengukir pada ketika itu disanjung tinggi (W.G. Shellabear, 1983).

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Kepentingan seni ukir bukan sahaja dapat mengekalkan identiti masyarakat Melayu tetapi juga menyumbang kepada ekonomi negara sekaligus menyumbang kepada pendapatan individu seperti pengukir. Nilai pasaran tempatan bagi industri ukiran dianggarkan RM150 juta hingga RM200 juta setahun. Bagi memartabakan industri ini, satu pelan strategik yang dirangka oleh Lembaga Perindustrian Kayu (MTIB) iaitu Pelan Strategik Pembangunan Industri Ukiran Kayu bagi tempoh 2021-2030. Salah satu daripada intipati pelan tersebut ialah merangkumi latihan dan kemahiran modal insan. Hal ini berlaku dalam industri ukiran di Malaysia yang memperlihatkan pengukir-pengukir di Malaysia masih mengaplikasikan konsep membuat ukiran dengan keluaran mengikut kadar tempahan. Manakala di Indonesia, China dan Burma pengukir mereka telah membuat ukiran terlebih dahulu sebelum ditempah atau dijual. Pengeluaran

sesuatu produk kebanyakan menggunakan mesin 80% manakala dengan menggunakan tangan hanya 20% (Mohd Kheiruddin, 2020 & Abd. Muhamimin, 2019).

Sebaliknya, menurut Ruwaida Baharudin (2018) pengukir kayu khususnya di Besut, Terengganu menyatakan bahawa ukiran tangan hasil seni tradisi Melayu seakan-akan dilupakan khususnya generasi muda. Segelintir individu beranggapan seni ukiran kayu hasil pertukangan tangan dengan pelbagai motif hanya untuk cita rasa golongan berusia. Selaras dengan isu yang diketengahkan oleh pengukir tersohor di Besut, Norhaiza Noordin, (2017) yang meluahkan kekecewaannya dengan sikap orang Melayu sekarang kerana meninggalkan warisan ini dan mengagungkan budaya dari luar. Selain itu, beliau berpendapat 10 tahun akan datang, bidang ukiran mungkin tidak akan wujud lagi kerana stastistik pengeluaran ukiran ini semakin menurun dan hanya menjadi bahan pameran di muzium sahaja. Hal ini perlu dititikberatkan oleh pihak berkepentingan seperti komuniti setempat, pengukir dan kerajaan bagi melindungi warisan seni ukir dari ancaman kepupusan.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan permasalahan yang dibincangkan, maka terdapat beberapa persoalan yang diusulkan seperti:

- i. Apakah sejarah dan perkembangan industri ukiran kayu di Kampung Raja, Besut, Terengganu?
- ii. Sejauhmanakah pengukir-pengukir memainkan peranan di lokaliti Kampung Raja, Besut, Terengganu dalam pemuliharaan warisan ukiran kayu?

- iii. Sejauhmanakah pemuliharaan ukiran kayu berpotensi dijadikan sebagai identiti warisan di Kampung Raja, Besut, Terengganu?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Berikut merupakan objektif kajian yang telah digariskan oleh pengkaji:

- i. Mengenalpasti sejarah dan perkembangan industri ukiran kayu di Kampung Raja, Besut, Terengganu.
- ii. Menghuraikan peranan pengukir di lokalti Kampung Raja, Besut, Terengganu dalam pemuliharaan warisan ukiran kayu.
- iii. Menganalisis potensi pemuliharaan ukiran kayu sebagai identiti warisan di Kampung Raja, Besut, Terengganu.

1.5 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini tertumpu di lokasi Kampung Raja, Besut, Terengganu. Hal ini demikian kerana daerah Besut terkenal dengan ukiran yang telah menjadi pusat ukiran di Kampung Raja, Besut. Pemilihan lokasi kajian sangat penting bagi menambah pengetahuan serta informasi yang tepat. Tambahan pula, lokasi kajian ini dipilih kerana kampung ini menempatkan ramai tokoh seni ukiran yang disegani bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di peringkat luar negara.

1.6 DEFINISI OPERASIONAL

Definisi operasional merujuk kepada istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini. Antaranya ialah pemuliharaan, seni ukir dan identiti warisan.

1.6.1 Pemuliharaan

Menurut Arnold Whittick (1974), pemuliharaan merupakan satu bidang yang memerlukan pengurusan yang bijak dan efektif serta berkesan terhadap dua sumber iaitu sumber manusia dan sumber semulajadi.

Selain itu, definisi pemuliharaan menurut Larkham (1966), pemuliharaan merupakan satu bidang yang mempunyai nilai warisan yang bersesuaian dari aspek penggunaan terutamanya dalam konteks zaman moden. Secara lebih terperinci, penggunaan dalam konteks zaman moden tertumpu kepada aktiviti-aktiviti yang berseuaian dengan masa dan keadaan seperti pelancongan dan komersial.

Menurut Chen Voon Fei (1998) pula, definisi pemuliharaan lebih kepada satu tindakan yang diambil untuk mengelakkan kerosakan termasuklah tindakan-tindakan yang diambil untuk memanjangkan usia satu-satu warisan.

Pemuliharaan juga merupakan satu kaedah melindungi monumen warisan daripada pupus sekaligus menyelamatkan nilai budaya, estetika dan fungsi yang ada padanya (Mansfield, 2008). Dari sudut aspek seni ukiran, ia merujuk kepada proses pemuliharaan yang lebih holistik kerana merangkumi bersama dengan masyarakat, identiti budaya, struktur fizikal serta aktiviti sosioekonomi (Synder, 2008).

1.6.2 Seni ukir

Seni merupakan luahan kreativiti manusia yang paling dikenali dan dianggap sebagai keunggulan daya cipta manusia. Walau bagaimanapun, seni sukar ditakrifkan disebabkan pengkarya mempunyai pilihan sendiri untuk menentukan karya mereka. Setiap individu mempunyai pendapat yang berbeza terhadap perkara yang dianggap seni.

Menurut Ismail Said (2001), seni ukir merupakan seni warisan Melayu yang mempunyai nilai peradaban yang tinggi kerana sudah meniti usia yang tua. Berkonsepkan keseimbangan alam yang berdasarkan komposisi, pemilihan motif dan bentuk ukiran. Pengolahan dalam seni ukiran ini berkait rapat dengan falsafah ketuhanan dan alam semesta. Ukiran juga digunakan pada rumah-rumah masyarakat Melayu bagi menambah nilai estetik dan menyokong rupa kepada bentuk bangunan.

1.6.3 Identiti warisan

Berdasarkan artikel “*The Value of Difference*” (Chris, 2004), menjelaskan bahawa identiti merupakan kunci utama dalam dunia kontempopari pada hari ini. Menurut Abdul Rahman Embong (1999) menyatakan bahawa identiti bermaksud seseorang individu yang cuba memahami sesuatu dengan persekitaran sekeliling. Identiti juga mempunyai dua jenis iaitu identiti individu dan kolektif. Identiti kolektif membentuk identiti masyarakat kerana hidup bermasyarakat adalah ciri-ciri utama kewujudan manusia. Identiti juga adalah suatu yang berinteraksi dan berkait rapat dengan pelbagai sumber seperti agama, geografi, sejarah, budaya dan mempunyai pengaruh terhadap perilaku serta aktiviti manusia. Hal ini secara tidak langsung dapat dikaitkan dengan aspek kebudayaan yang menjadi lambang kepada sesebuah

masyarakat. Sebagai contoh, dari segi adat resam, seni persembahan, makanan tradisi dan seumpamnya. Dalam pada itu, definisi warisan merupakan apa jua hasil tinggalan turun temurun serta hasil yang perbuatan terdahulu yang menjadi kegunaan masyarakat kini dan menjadi sebahagian alat kehidupan bagi meneruskan kelangsungan hidup (Yuszaidy Mohd Yusoff, 2005).

Dalam konteks ini, identiti warisan dapat dikaitkan dengan setiap yang diwarisi oleh satu generasi ke generasi seterusnya yang menjadi lambang kepada sekelompok masyarakat. Hal ini demikian kerana seni ukiran adalah satu warisan yang telah diturun-temurun dari generasi ke generasi. Sebagai mana yang ditekankan dalam kajian ini ialah seni ukiran yang berpotensi dijadikan identiti warisan kepada masyarakat Kampung Raja, Besut, Terengganu. Secara tidak langsung, kajian ini dijalankan bagi mengetahui secara lebih mendalam dari segi pemuliharaan seni ukir di Kampung Raja, Besut, Terengganu yang boleh dianggap sebagai identiti warisan.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dapat memberi kepentingan terhadap beberapa perkara. Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat seperti berikut:

1.7.1 Individu

Kepentingan kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui secara lebih mendalam perkembangan dan sejarah seni ukir yang telah bertapak di Kampung Raja, Besut, Terengganu. Hal ini demikian kerana masyarakat kini khususnya golongan muda kurang pendedahan terhadap warisan seni ukir. Bagi pemuliharaan seni ukir, tindakan yang serius oleh semua pihak bermula dari peringkat atasan iaitu kerajaan

hingga peringkat perseorangan. Dalam konteks ini, pengukir-pengukir juga turut terlibat secara langsung dalam mengekalkan warisan seni ukir. Berbekalkan sejarah dan keunikan seni ukir yang tersendiri, kepentingan memulihara warisan seni ukir bukan sahaja menjadi identiti di Kampung Raja, Besut, Terengganu malah dapat memartabatkan lagi nama negara di persada dunia.

1.7.2 Masyarakat

Kepentingan kajian ini adalah untuk memberi pendedahan kepada masyarakat dalam memartabakan industri seni ukiran selari dengan sektor pelancongan. Perkembangan industri seni ukiran dapat dilihat dengan kerjasama Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia yang telah mengambil pelbagai langkah dalam mengekalkan seni ukiran serta dijadikan produk pelancongan warisan. Antara langkah yang telah dilaksanakan ialah Projek Kraf KampungKu iaitu inisiatif Kraftangan Malaysia untuk membangunkan komuniti setempat di bawah Program Satu Daerah Satu Industri-Produk Kraf. Walau bagaimanapun, ia bukan sahaja tertumpu kepada komuniti sahaja malah pendekatan strategik yang dilaksanakan bagi program tersebut ialah Strategik Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) iaitu penglibatan agensi-agensi kerajaan dan swasta negeri Terengganu (Motac, 2018). Dengan kerjasama diantara pihak swasta dengan pihak kerajaan secara tidak langsung industri seni ukiran mampu berdaya saing sekaligus dapat meningkatkan sektor pelancongan dan ekonomi negara. Menerusi inisiatif ini juga, Kampung Raja, Besut, Terengganu yang terkenal dengan produk ukiran kayu akan diberikan penjenamaan semula seterusnya dapat mempertingkatkan pengeluaran dan pemasaran terutamanya kepada pengukir-pengukir supaya produk yang dihasilkan lebih berkualiti.

1.7.3 Institusi

Secara umumnya, warisan seni ukiran merupakan topik yang menjadi kebiasaan serta kerap dibincangkan di peringkat tempatan. Walau bagaimanapun, berdasarkan kajian terdahulu, kebanyakan kajian memfokuskan kepada falsafah seni ukiran dan jenis-jenis ukiran. Namun, kajian terhadap sejarah dan perkembangan industri ukiran di Kampung Raja, Besut, Terengganu tiada lagi kajian yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji yang terdahulu.

Melalui kajian ini, kepentingan kajian yang dapat diperoleh daripada hasil kajian yang akan dilakukan ialah masyarakat Melayu mampu mengekalkan identiti atau lambang dengan seni ukir. Dengan adanya, kajian ilmiah ini secara tidak langsung masyakarat mampu menjadikan sumber rujukan berkenaan sejarah dan perkembangan seni ukir di Kampung Raja, Besut, Terengganu. Dalam masa yang sama, hasil daripada kajian ini juga boleh dijadikan sebagai bahan rujukan di institusi-institusi yang berkaitan. Misalnya, dengan hasil kajian ini mampu dijadikan sebagai sumber rujukan kepada para pelajar dalam penghasilan tesis mahupun penyelidikan mengenai bidang seni ukiran.

1.8 ORGANISASI PENULISAN

Struktur penulisan bagi penyelidikan ini terbahagi kepada 5 bab. Bagi bab 1, pengkaji akan memfokuskan kepada pengenalan kajian. Penekankan kepada objektif kajian dan persoalan kajian yang akan menjadi fokus utama dalam kajian yang akan dijalankan. Selain daripada objektif dan persoalan, pengkaji turut meneliti permasalahan atau isu yang menjadi tujuan kajian ini dibuat serta menjelaskan bahawa kajian ini juga mampu memberi kepentingan kepada kelompok lain. Definisi operasional dan skop kajian juga

diterangkan dalam bab ini. Dalam pada itu, organisasi penulisan dijadikan sebagai rumusan bab kajian ini.

Dalam bab 2, pengkaji akan menjelaskan mengenai kajian terdahulu seni ukiran di Kampung Raja, Besut, Terengganu. Dalam bab ini pengkaji juga akan menerangkan secara lebih terperinci mengenai konsep pemuliharaan, seni ukir, identiti warisan serta Teori Identiti Sosial (1970).

Dalam bab 3, pengkaji akan menerangkan kaedah kajian yang digunakan melalui penyelidikan yang dilakukan. Pengkaji juga akan menjelaskan kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif ketika proses mendapatkan maklumat dan data berkaitan bagi mencapai objektif kajian. Dalam bab ini, pengkaji turut membincangkan dengan lebih terperinci berkaitan kaedah memperolehi maklumat dan data berdasarkan sumber primer dan sumber sekunder.

Dalam bab 4 pengkaji akan membahaskan secara terperinci mengenai data dan maklumat yang diperoleh daripada pelbagai kaedah kajian yang dilakukan. Maklumat yang diperolehi melalui kaedah soal selidik dapat membantu pengkaji dalam menghuraikan tentang sejarah perkembangan industri kayu di Kampung Raja, Besut. Seterusnya, pengkaji akan menghuraikan lebih lanjut tentang peranan pengukir dalam mengekalkan seni ukir serta sejauhmana potensi pemuliharaan ukiran kayu sebagai identiti di Kampung Raja. Melalui kajian ini, pengkaji akan lebih mendapat banyak kefahaman untuk dihuraikan bagi melengkapkan objektif.

Dalam bab 5, pengkaji akan menjelaskan secara menyeluruh dan terperinci hasil dapatan kajian yang telah dilakukan, serta menyatakan beberapa cadangan yang perlu dilakukan untuk pemuliharan ukiran di Kampung Raja, Besut, Terengganu pada masa akan datang.

BAB II

KAJIAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan tentang penerangan konsep, kerangka teori dan kajian lepas. Konsep yang dibincangkan ialah pemuliharaan, seni ukir dan identiti warisan. Manakala teori pula membincangkan Teori Identiti Sosial (1970) yang dijadikan panduan untuk menganalisis data kajian ini.


Di samping itu, bab ini turut membincangkan kajian-kajian yang telah dilakukan sarjana lepas berkaitan kajian. Kepentingan kajian lepas adalah untuk mengelak berlakunya pengulangan kajian orang lain. Dengan adanya sorotan literatur, ia dapat menjadi asas kepada pengkaji mengetahui kedudukan kajian (O’Learny, 2004). Dalam masa yang sama, pengkaji juga dapat memperbaiki kelemahan pengkaji serta mengenalpasti kelomongan terhadap kajian ini.

2.2 TEORI IDENTITI SOSIAL (1970)

Teori Identiti Sosial (1970) membincangkan tentang tingkah laku atau sikap antara sesebuah kumpulan. Teori ini menunjukkan bahawa organisasi dapat mengubah tingkah laku individu seperti mengubah identiti diri atau sebahagian konsep kendiri mereka yang berasal dari pengetahuan dan keterikatan emosi dengan kumpulan (Henri Tajfel & John Tuner, 1986). Dalam konteks ini, teori dapat digunakan secara meluas dalam bidang pengkajian seperti sosiologi, antropologi, psikologi, ekonomi serta politik. Hal

ini secara tidak langsung teori ini adalah teori umum yang digunakan untuk mengkaji sosial manusia.

Pendekatan identiti sosial merujuk kepada teori yang berkaitan dengan Teori Identiti Sosial (1970) dan Teori Pengkategorian Kendiri. Walaupun teori ini berkait rapat antara satu sama lain, namun terdapat perbezaan dari sudut psikologi sosial.



Rajah 2.1: Profil Penjelasan Mengenai Pendekatan Identiti Sosial

Pertindihan antara teori tersebut telah dikembangkan dalam pelbagai bentuk empirik. Bagi Teori Pengkategorian Diri adalah tidak meliputi pada kumpulan

hubungan yang khusus. Batasan kajian bagi teori ini juga tidak melebihi Teori Identiti Sosial. Hal ini kerana Teori Identiti Sosial menyokong dan menjelaskan tingkah laku secara lebih terperinci.

Konsep Teori Identiti Sosial diasaskan pada tahun 1970 oleh ahli psikologi sosial iaitu Henri Tajfel dan John Turner yang menyatakan identiti sosial menjadi lebih penting daripada identiti seseorang individu. Kemunculan teori ini dikaitkan dengan karya Henri Tajfel dalam mengkaji proses persepsi penghasilan stereotaip dan prasangka yang dikenali Kajian Kumpulan Minimum. Berdasarkan teori ini, dalam menentukan individu terhadap sesuatu kumpulan, terdapat tiga proses kognitif serta klasifikasi dalam kumpulan iaitu pengkategorian sosial, pengenalan sosial dan perbandingan sosial.

Daripada hasil kajian karya itu juga, pembentukan ahli kumpulan terdiri daripada mereka yang mengenali antara satu dengan yang lain. Hal ini secara tidak langsung akan menyebabkan sikap pilih kasih serta diskriminasi terhadap kumpulan luar. Namun demikian, sikap pilih kasih dalam kumpulan adalah perkara yang tidak menimbulkan percaduhan terhadap kumpulan luar.

Istilah ‘Teori Identiti Sosial’ juga telah membuka mata para akademik pada tahun 1970. Walau bagaimanapun, konsep asas yang berkaitan dengan teori ini muncul pada awal abad ke-20. Pandangan awal mengenai teori ini juga digambarkan oleh ahli psikologi, William G. Summer (1906) terhadap kajian Folkways: Kajian Kepentingan Sosiologi Penggunaan, Adab, Adat, More dan Akhlak iaitu:

Kesetiaan kepada kumpulan, berkorban untuk itu, kebencian dan penghinaan terhadap orang luar, persaudaraan di dalam, semuanya tumbuh bersama, produk bersama dari situasi yang sama. Setiap kumpulan memelihara

kebanggaan dan kesombongannya sendiri, membanggakan dirinya yang unggul, memuliakan ketuhanannya sendiri, dan memandang rendah orang luar. Setiap kumpulan menganggap jalan rakyatnya adalah satu-satunya yang betul, dan jika ia melihat bahawa kumpulan lain mempunyai jalan rakyat yang lain, ini menggembirakan cemuhannya.

Berdasarkan petikan daripada karya tersebut dapat disintesiskan bahawa manusia mempunyai pilihan yang tersendiri serta lebih cenderung bergabung dalam kelompok mereka sendiri mengikut sifatnya. Manusia juga saling memerlukan antara satu sama lain dalam menegakkan sesuatu kebenaran dengan memiliki perjuangan hak yang sama. Sebagai contoh, apabila dalam setiap kelompok yang besar seperti etnik sudah pasti pemeliharaan terhadap identiti tersebut akan diperjuangkan.

Manakala Teori Identiti Sosial juga diaplikasikan dalam bidang ekonomi. Laszlo Garai telah membentuk dan mengembangkan konsep identiti sosial selari dengan psikologi ekonomi. Melalui artikel *Identity Economics*, dalam sudut ekonomi teori ini dikenali sebagai Teori Ekonomi Identiti yang diasaskan oleh George Akerlof dan Rachel Kranto pada tahun 2010. Dalam makalah tersebut, sebelum teori ini dirangka, penerangan dan penekankan terhadap konsep organisasi tempat kerja, peranan gender dan pilihan pendidikan dijadikan persampelan untuk kajian tersebut. Selain itu, identiti sosial juga turut dimasukkan dalam kajian tersebut sebagai faktor dalam model principal-ejen. Hasil daripada kajian tersebut, ejen dianggap sebagai orang dalam. Hal ini secara tidak langsung mereka akan bekerja lebih keras melebihi kebolehan mereka ada.

Oleh itu, teori ini dipilih kerana merujuk kepada persampelan sebuah kumpulan yang khusus. Malah, dalam masa yang sama dijadikan panduan untuk melihat kepada

potensi masyarakat dalam mengekalkan warisan seni ukir pada masa akan datang. Hal ini selaras dengan konsep Teori Identiti Sosial (1970) iaitu menekankan tingkah laku serta sikap individu dalam sesuatu kelompok.

2.3 SOROTAN KAJIAN LEPAS

Sorotan kajian lepas atau *literature review* adalah ulasan maklumat yang diperoleh daripada jurnal, buku, prosiding dan penyelidikan-penyeleidikan lepas (tesis) untuk penyelidikan terbaru (Amani Dahaman, 2011). Kepentingan kajian lepas adalah untuk mengelak berlakunya pengulangan kajian orang lain. Dengan adanya sorotan literatur, ia dapat menjadi asas kepada pengkaji mengetahui kedudukan kajian (O’Learny, 2004). Dalam masa yang sama, pengkaji juga dapat memperbaiki kelemahan pengkaji serta mengenalpasti kelomongan terhadap kajian ini.

2.3.1 Pemuliharaan

Tidak dinafikan kajian mengenai pemuliharaan adalah bidang pengkajian yang kerap dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Salah satu kajian lepas terhadap pemuliharaan ini tertumpu kepada kajian yang bertajuk Pemuliharaan Warisan Budaya Melalui Perundungan Warisan dan Agensi Pelaksana di Malaysia (Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, 2018). Kajian ini secara keseluruhannya mengkaji mengenai perundangan aspek pemuliharan warisan budaya. Di Malaysia, Akta Warisan Kebangsaan 2005 merupakan perundangan yang berkaitan dengan warisan. Hasil dapatan kajian ini juga membincangkan mengenai warisan budaya ketara di Malaysia tidak begitu menonjol pada awalnya kerana sebelum ini tiada usaha mana-mana pihak untuk mengambil

tindakan terhadap pemuliharaan. Dalam kajian ini juga mengutarakan ukiran kayu merupakan warisan yang bernilai tinggi. Ia kerana ukiran kayu bermula dengan keperluan diri yang berubah menjadi identiti diri bangsa Melayu.. Tambahan pula, Orang Asli Mah Meri di Pulau Carey, Selangor juga turut terkenal dengan kerja-kerja ukiran kayu pada topeng dan patung yang diilhamkan melalui mimpi mengenai nenek moyang mereka (Hood Salleh, 2006).

Seterusnya, kajian lepas mengenai Pemuliharaan Jerat Sembat Orang Asli Suku Temuan di Kampung Gapam, Jasin, Melaka (Muhammad Haziq & Mohd Yuszaidy, 2020). Secara keseluruhannya artikel ini menyentuh mengenai pemuliharaan Jerat Sembat Orang Asli dari suku kaum Temuan. Dalam meniti arus kemodenan, penggunaan jerat untuk memerangkap binatang semakin kurang popular sehingga generasi kini kurang mengenalinya. Umumnya, masyarakat ini mempunyai kepercayaan yang kuat terhadap semangat luar dimana mereka tidak akan membunuh binatang semasa berburu kerana mereka percaya kejadian buruk yang akan menimpa terhadap dirinya dan keluarga. Dalam pada itu, kajian ini juga menjelaskan sejarah perkembangan masyarakat orang asli di Malaysia dan memfokuskan secara lebih terperinci mengenai latar belakang orang asli suku kaum Temuan di Kampung Gapam. Hasil daripada kajian ini juga menyatakan perubahan zaman dan keperluan sumber makanan telah memberi kesan yang buruk kepada penggunaan jerat. Perubahan status sosial seperti pendidikan secara tidak langsung meninggalkan tradisi terdahulu. Hal ini menyebabkan penghasilan dan penggunaan jerat amat sukar untuk diperoleh. Jika pihak berkepentingan tidak mengambil perkara yang serius dari segi pemuliharaan, perangkap jerat binatang ini akan mengalami kepupusan

pada masa akan datang. Oleh itu, pemuliharaan boleh ditakrifkan sebagai proses untuk memartabakan perangkap jerat yang merupakan kearifan bagi masyarakat Orang Asli Temuan.

Selain itu, kajian terdahulu pemuliharaan yang bertajuk Fungsi Upacara Miring Dalam Proses Pemuliharaan Kubu di Wilayah Tengah Sarawak (Echoh etc al. 2020). Upacara miring adalah penting dalam komuniti Iban. Menurut Melling (1998) yang menyatakan komuniti Iban akan menyembah dan memuja petara melalui upacara miring atau bedara (persebahaman korban), pengap (zikir) dan timang (inokasi). Upacara miring biasanya dilakukan untuk menghormati petara, roh dan nenek moyang yang telah meninggal serta menyampaikan hajat untuk memperoleh kejayaan dalam bidang diceburi. Pemuliharaan bermaksud memulihara atau mengekalkan budaya dan aset warisan asli serta memelihara bahan bersejarah sesebuah komuniti kerana kebanyakannya tidak dipulihara dengan baik (A. Ghafar, 2009). Hasil daripada dapatan kajian ini juga dapat dijelaskan bahawa orang yang mengetuai upacara miring adalah lemabang atau orang yang berpengalaman dan mempunyai pengetahuan mendalam. Sesetengah dalam kalangan masyarakat Iban masih percaya kepada kepentingan upacara miring dan cinta kepada budaya serta adat resam tersebut. Upacara miring ini sangat penting untuk menghormati kuasa dan roh orang yang pernah tinggal di kubu tersebut. Hal ini dapat dikaitkan dengan petikan daripada pakar budaya dan adat Iban mengenai upacara miring:

“...sekiranya roh-roh moyang tersebut tidak diajak untuk menyertai aktiviti tersebut, bencana seperti ribut petir boleh berlaku, perkara yang tidak baik boleh berlaku semasa kerja-kerja tersebut tiada orang memantau, tiada orang menjaga, sebab itulah hantu syaitan

menyebabkan kerja-kerja yang dijalankan berdepan banyak masalah atau gagal. Sebagai contoh, semasa orang menuba di sungai, sekiranya piring (bahan-bahan yang telah dicampur untuk miring), kalau piring hantu pembazir, hantu kedekut tidak disediakan/diberi terlebih dahulu, air tuba boleh menjadi tidak berbisa/mujarab dan menyebabkan ikan tidak mati atau orang yang menuba berisiko berdepangan dengan kemalangan, inilah yang dikatakan contoh jelungan... ”

Hal ini dapat disimpulkan bahawa pihak luar yang akan menjalankan kerja-kerja pemuliharaan bangunan seperti pihak berkepentingan perlu menghormati adat resam dan budaya komuniti yang tinggal di kawasan bangunan tersebut. Oleh itu, perbincangan mengenai pantang larang, adat dan peraturan di kawasan komuniti tersebut perlu dilakukan terlebih dahulu.

Seterusnya, kajian terdahulu mengenai pemuliharaan yang bertajuk Masyarakat Orang Asli Jakun di Rompin, Pahang: Kajian Terhadap Pemuliharaan Cerita Lisan oleh sarjana Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff et al. (2021). Pemuliharaan adalah suatu kepentingan selaras dengan perkembangan terkini. Hal ini demikian kerana generasi muda kini kurang terdedah kepada warisan khazanah menyebabkan mengalami kerosakan dan kepupusan. Warisan khazanah adalah kearifan tempatan yang menjelaskan mengenai masyarakat terdahulu yang menghasilkan pelbagai benda dan budaya bukan benda. Secara umumnya, cerita lisan disampaikan oleh generasi tua kepada generasi muda mengenai nilai tauladan dan kearifan tempatan yang terdapat dalam masyarakat orang asli adalah berbeza dengan suku kaum yang lain. Cerita lisan adalah seperti mitos, legenda dan asal usul nama kampung atau tempat unik. Hasil dapatan kajian ini menjelaskan faktor kepupusan cerita lisan adalah disebabkan

perkahwinan campur. Masyarakat Orang Asli Jakun yang telah bercampur dan berasimilasi dengan masyarakat luar terutamanya masyarakat Cina khususnya yang ramai mendiami persekitaran dunia luar mereka. Selaras dengan era kemodenan, faktor kepupusan cerita lisan antaranya disebabkan pelbagai bentuk hiburan seperti rancangan televisyen, siaran radio, tayangan filem dan media sosial. Usaha melindungi cerita lisan ini melibatkan pihak berkepentingan serta tumpuan terhadap penggiat atau pencerita tersebut. Dari segi usaha yang diambil oleh pemuliharaan pihak berkepentingan adalah dengan mengajurkan satu karnival masyarakat pada setiap tahun dengan pengisian pelbagai aktiviti berkait dengan masyarakat orang asli. Hal ini secara tidak langsung, pemuliharaan terhadap cerita lisan masyarakat Orang Asli Jakun perlu bagi memastikan ia dapat dilindungi dan mengelakkan daripada kepupusan dan kehilangan.

Berbeza pula dengan kajian pemuliharaan yang bertajuk Pendidikan Awam Untuk Pemuliharaan Warisan: Kajian Kes Langkawi Geopark karya Norzaini Azman et al. (2010). Kajian ini mengupas tentang dalam menentukan tahap pemahaman, maksud dan konsep iaitu pengetahuan mengenai geopark terhadap pemuliharaan warisan. Pendidikan awam merupakan aktiviti asas untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran anggota masyarakat dalam menyahut cabaran pemuliharaan warisan (Aplin & Eder, 2008). Kajian kes Langkawi Geopark, pendidikan pemuliharaan adalah sesuatu yang amat penting demi menangani isu-isu pembangunan fizikal, pertambahan penduduk dan pelancong serta aktiviti ekonomi yang boleh memberi kesan kepada alam sekitar. Dapatan kajian ini menyatakan bahawa hampir semua pihak berkepentingan di Langkawi memperoleh pendedahan awal dan maklumat asas mengenai Langkawi sebagai geopark. Hal ini merupakan satu permulaan yang baik dalam

penyampaian maklumat dengan berkesan. Walau bagaimanapun, kebanyakan pihak berkepentingan menjelaskan dengan istilah Langkawi Geopark, sebahagian daripada mereka masih tidak memahami makna geopark. Manakala, sebahagian daripada anggota komuniti Langkawi mentaksirkan geopark adalah sebagai usaha untuk memperkenal dan memulihara sumber warisan geologi dan landskap. Sesetengahnya pula beranggapan Langkawi Geopark sebagai ‘jenama baru’ dengan kehadiran warisan geologi dan landskap yang boleh dibangunkan sebagai produk pelancongan tambahan. Oleh itu, maklumat penting untuk dijadikan asas bagi menyediakan peralatan dan mekanisma pendidikan awam serta bahan untuk pemahaman dan kesedaran pelbagai pihak berkepentingan tentang geopark.

2.3.2 Seni Ukir

Kajian mengenai seni ukir bukanlah sesuatu bidang pengkajian yang baru. Melalui kajian yang bertajuk Seni Dalam Islam: Kajian Khusus Terhadap Seni Ukir menjelaskan seni mempunyai pelbagai bidang (Abdul Kadir et al. 2018). Islam telah menghidupkan berbagai bentuk seni yang sesuai dengan kemajuan ilmu pengetahuan (Yusof Al-Qardawi, 2001). Selain itu, kajian ini juga menjelaskan pengklasifikasian seni dari sudut seni suara dan lagu, seni ukir, seni khat, seni bina, seni pakaian dan seni kesuasteraan Islam. Namun demikian, sesetengah individu berpendapat bahawa seni khat dan seni ukir tidak jauh berbeza kerana kemasyuran seni khat merupakan hasil kemajuan seni ukiran. Hal ini kerana seni ukir seringkali dilihat terukir indah pada bangunan masjid dan kediaman pemerintah dengan hiasan berupa ukiran dari petikan ayat al-

Quran. Melalui perspektif Islam, konsep seni adalah pebimbing manusia ke arah pengabdian diri kepada Allah S.W.T. Ciri-ciri kesenian Islam dinilai melalui keindahan, unsur moral, kepelbagaian dalam kesatuan serta hubungan antara agama, etika dan estetika. Perkembangan seni ukir Islam dikaitkan juga dengan kemahiran orang Melayu dalam bidang seni ukir khususnya dari segi ukiran kayu. Manakala kajian ini turut mengemukakan takrifan seni ukir Islam sebagai konsep yang tinggi dalam komposisi cara pengisian bidang yang dihias ataupun dalam menyelaras motif-motif ukiran. Dalam pada itu, motif-motif ukiran kayu dapat dilihat dengan mengaplikasikan seni ukir terhadap seni bina rumah-rumah Melayu tradisional. Berdasarkan kepada kajian ini juga, seni ukir merupakan salah satu daripada cabang seni sebagai produk klasik warisan orang Melayu.

Manakala kajian lepas mengenai seni ukir yang seterusnya adalah bertajuk Perkembangan Seni Khat Ukir Melayu: Kajian Terhadap Karya-Karya Ukiran Kayu di Terengganu (Makmur Haji Harun et al. 2013). Berdasarkan kajian ini, definisi seni khat ukiran kayu merupakan salah satu bidang seni Islam yang dikenali dengan ukiran kayu (Norhaiza Nordin, 2009). Selain itu, terminologi seni khat yang didefinisikan oleh Ubaidullah ibn al-Abbas menyatakan *lisan al-yadd* iaitu lidahnya tangan. Hal ini kerana dengan tulisan itulah tangan bercakap (Didin Sirojuddin, 1992). Kajian ini juga menghuraikan bentuk dan corak warisan seni khat seperti Khat Kūfi, Khat Nasakh, Khat Thuluth, Khat Ta'līq atau Fārisi, Khat Riq'ah dan Khat Dīwāni. Hasil kajian ini juga menjelaskan pelbagai teknik dan peralatan yang digunakan untuk menghasilkan keindahan sesuatu ukiran khat dengan dilengkapi proses olahan, gaya dan teknik pengukiran dalam merealisasikan peradaban manusia.

Menurut Fauzi Ab.llah dalam karyanya yang bertajuk Potensi Ukiran Kayu (2011) yang mengupaskan potensi ukiran kayu mula di pandang serius dan ia telah menjadi *trend* (gaya). Hal ini kerana ukiran kayu mula dilihat pada sebahagian sudut pengaplikasian pembinaan sesebuah rumah yang berkONSEPkan moden. Dalam kajian ini turut membincangkan mengenai bangsa Melayu berkait rapat dengan seni pertukangan. Bangsa Melayu merupakan satu bangsa yang kaya dengan adat serta budaya yang tinggi nilainya. Manakala seni pertukangan kayu merupakan menjadi asas kepada orang-orang Melayu terutamanya bagi penduduk di sebelah pantai timur. Secara umumnya, ukiran kayu terbentuk dengan meluakkan bahagian-bahagian kayu dengan menggunakan teknik-teknik asas sama ada ‘pahatan’ atau ‘rautan’ sehingga menghasilkan satu rekacorak dengan gubahan motif flora ataupun fauna.

Tumbuh berpunca

Punca penuh rahsia

Tumbuh tidak menerjah kawan

Memanjat tidak memaut lawan

Tetapi melingkar penuh rahsia

Berdasarkan ungkapan tersebut dapat menggambarkan gabungan antara rekacorak, motif, ragam hias dengan gaya sobekkan menepati konsep seni bina dalam konteks ukiran kayu Melayu. Selain itu, kajian ini juga menerangkan tentang seni ukiran kayu kepada dua dengan merujuk kepada iaitu Seni Ukiran Melayu Tradisi dan Seni Ukiran Kayu Kontemporari. Langkah-langkah bagi pemuliharaan seni ukir juga turut diutarakan dalam kajian ini dimana pihak berkepentingan pengerak kepada pemuliharaan.

Seterusnya, kajian lepas mengenai seni ukir adalah bertajuk Pengaplikasian Ukiran Kayu Melayu dalam Seni Bina di Malaysia karya Nila Inangda Manyam Keumala Daud et al. (2012). Kajian ini menjelaskan tentang perkembangan sosiobudaya masyarakat Melayu berdasarkan tahap kefahaman dan kepercayaan agama khususnya dalam seni ukiran. Abdul Halim Nasir (1986) telah membahagi perkembangan tahap kefahaman masyarakat Melayu kepada tiga tahap fahaman dan kepercayaan agama, ianya merangkumi pertama fahaman animism, kedua, fahaman Hindu Buddha dan ketiga fahaman Islam. Hasil dapatan kajian ini juga telah mengenal pasti konsep tradisi pengaplikasian seni ukiran Melayu di Malaysia dimana kajian ini telah mendalami konsep tradisi dan teknik pengaplikasian ukiran kayu, di samping mendalami makna motif, kegunaan, kesesuaian dan nilai estetik. Hasil kajian ini juga menunjukkan motif ukiran yang paling digemari oleh pengukir iaitu motif flora kerana pengaruh agama Islam serta lebih mudah diukir dan senang didapati. Kini, penggunaan ukiran kayu Melayu seperti untuk pencahayaan, pengudaraan, struktur bangunan dan keselamatan semakin kurang diaplikasi. Bagi menilai perkembangan pengaplikasian seni ukiran kayu Melayu dalam reka bentuk seni bina Malaysia, kajian mendapati daripada kesemua 21 buah hotel yang terdapat di Kuala Lumpur, hanya satu hotel sahaja mengaplikasikan ukiran kayu tradisi Melayu iaitu Hotel Crowne Plaza Mutiara, Kuala Lumpur yang dibina pada tahun 1970an. Bilangan peratusan yang sedikit ini menunjukkan sambutan terhadap seni ukiran kayu Melayu ini sangat rendah. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa petanda awal penggunaan seni ukiran kayu Melayu menurun berkemungkinan mudah dilupakan pada masa akan datang.

Menurut Johari et al. (2020) dalam karya Seni Ragam Hias Ukiran Warisan Peradaban Merong Mahawangsa mengupaskan tentang hasil kesenian ukiran Melayu tradisi dan kontemporari yang dipengaruhi daripada zaman Merong Mahawangsa. Definisi seni Melayu merujuk kepada satu penggunaan ucapan, gerak laku, gaya, ukiran, hiasan, lakaran, lukisan atau lambang lain. Hasil dapatan kajian ini mendapati terdapat 5 motif ukiran tradisional dipengaruh daripada seni ragam hias yang dipercayai telah wujud sejak zaman Merong Mahawangsa. Hal ini kerana motif-motif tersebut telah menjadi sebahagian daripada tradisi dalam masyarakat Melayu sejak dahulu kala lagi. Sebagai contoh, motif tersebut menjadi ragam hias di bangunan lama seperti masjid, istana dan rumah tradisional. Motif dari peradaban Merong Mahawangsa ini juga telah diadaptasikan dalam kebudayaan dan kesenian masyarakat dahulu. Kreativiti tersebut diaplikasikan dengan cara motif-motif tersebut menjadi ragam hias pada alatan tradisional dan permainan tradisional. Seni reka motif-motif tersebut secara tidak langsung telah menjadi ikon dan inspirasi kepada seni reka motif ukiran tradisional Melayu dan kontemporari masa kini.

Berdasarkan makalah yang bertajuk Abd. Muhammin bin Hasbollah: Manifestasi Seni Ukiran Kayu Kontemporari yang dituliskan oleh Yusniza Mohamed Yusof et al. (2020), membicarakan tentang penggiat seni ukiran kayu kontemporari iaitu Abd. Muhammin bin Hasbollah yang telah banyak memberi sumbangan dalam mengharumkan nama negara. Hasil kajian ini mendapati bahawa seni ukiran kayu kontemporari Abd Muhammin bin Hasbollah rata-ratanya bermotifkan flora dan fauna, serta persekitaran yang dipengaruhi oleh faktor pemilihan tema, idea dan konsep motif. Motif-motif yang dihasilkan oleh

beliau mempunyai keunikannya yang tersendiri malah turut mempunyai makna yang tersirat berkaitan dengan kehidupan dan hubungan manusia dengan alam. Semua hasil karya seni ukiran kayu kontemporari beliau bukan sahaja bermakna tetapi seni ukiran ini juga mempunyai nilainya yang tinggi dan tersendiri.

Manakala, kajian terdahulu mengenai seni ukir adalah jurnal yang bertajuk Motif Alam Flora Dalam Seni Ukiran Logam Halus Kelantan karya Mohd Razaimi Hamat & Mohd Yuszaidy Mohd Yussooff, (2020). Negeri Kelantan merupakan sebuah negeri yang kaya dengan budaya dan adat tradisi yang ditakrifkan sebagai “*the cradle of Malay culture*”. Salah satu kesenian yang masih kekal bertahan di Kelantan adalah seni pertukangan logam halus emas dan perak. Seni pertukangan logam sama seperti mana seni pertukangan yang lain kerana mempunyai perjalanan sejarah yang panjang dan telah mengalami pelbagai perubahan mengikut masa dan zaman. Motif alam flora yang digunakan secara meluas dalam seni ukiran logam halus. Walau bagaimanapun penggunaan motif alam flora dalam kalangan tukang ukir sekarang lebih bersifat pewarisan motif alam tradisional. Tukang-tukang lebih selesa dan mahir mengukir menggunakan motif alam flora tradisional yang diwarisi daripada tukang terdahulu. Hal ini dapat dikaitkan dengan pepatah Minangkabau yang menyatakan “alam terkembang menjadi guru”. Keadaan ini memperlihatkan motif alam flora tradisional masih kekal terpelihara dan lestari dalam seni ukiran logam halus. Selaras dengan perkembangan zaman dan citarasa masyarakat, tukang-tukang turut mengaplikasikan teknologi terkini bagi memudahkan kerja mereka. Secara tidak langsung, motif alam flora masih dikekalkan menjadi satu tradisi.

Satu lagi kajian mengenai seni ukir iaitu Ekspresi Keperibadian Melayu Di Sebalik Ukiran Kayu Tradisional (Izani Mat, 2013). Di sebalik kesenian tradisional Melayu masih terdapat banyak nilai-nilai dan fungsi yang belum digali secara mendalam. Selain itu, ukiran kayu ialah salah satu karya seni tertua dalam masyarakat Melayu. Sebagai contoh ukiran pada keris, ukiran pada alat kegunaan harian, ukiran pada istana seperti Istana Sri Akar, Istana Tengku Long, Istana Bukit Candan dan ukiran pada masjid seperti Masjid Kampung Laut. Ekspresi keperibadian Melayu pada ukiran kayu tradisional dapat dilihat dari beberapa aspek, seperti aspek kandungan atau makna serta di sebalik visual motif ukiran dan aspek proses pembuatan ukiran. Ekspresi ini merujuk kepada:

- i. Ekspresi ketakwaan
- ii. Ekspresi kedamaian
- iii. Ekspresi kebersamaan
- iv. Ekspresi kesetiaan
- v. Ekspresi kelembutan
- vi. Ekspresi kehalusan

Secara umumnya, ekspresi keperibadian Melayu di sebalik ukiran kayu tradisional ialah sebuah renungan tentang keperibadian yang cuba diterjemahkan dalam aspek visual tradisi Melayu.

2.3.3 Identiti Warisan

Identiti warisan merupakan satu simbolik kepada sesebuah masyarakat. Kajian lepas mengenai identiti warisan yang bertajuk Teras Adat Perpatih Negeri Sembilan Sebagai Satu Keunikan Identiti Warisan Bangsa telah mengupaskan

Adat Perpatih merupakan satu adat yang unik di Malaysia (Shamsuddin Ahmad et al, 2019). Identiti warisan bagi kajian ini merujuk kepada Adat Perpatih. Dalam meniti arus permodenan, adat yang telah menjadi identiti atau lambang warisan turun-temurun kini kian sampai penghujungnya. Selaras dengan objektif yang diketengahkan dalam kajian ini iaitu banyak masalah berlaku dalam kalangan masyarakat di Negeri Sembilan yang mengamalkan Adat Perpatih. Hal ini kerana gambaran mengenai Adat Perpatih belum difahami dari peringkat bawahan hingga peringkat atasan iaitu masyarakat biasa serta pentadbiran dan institusi perundangan. Hasil daripada kajian ini juga dapat dirumuskan permasalahan terhadap tanggapan negatif masyarakat bahawa Adat Perpatih tidak selari dengan ajaran Islam serta salah anggap masyarakat dalam konteks ekonomi, sosial dan sebagainya. Umumnya, tanggapan terhadap permasalahan aspek ekonomi adalah adat ini menghalang kemajuan ekonomi kerana banyak tanah tidak diusahakan dan terbiar dengan begitu sahaja. Selain itu, kajian ini juga menyenarikan sepuluh teras Adat Perpatih Negeri Sembilan iaitu seperti berikut:

- i. Berteraskan Islam.
- ii. Kepemimpinan dalam Adat Perpatih.
- iii. Persempadanan dan wilayah adat.
- iv. Kekerabatan matrilineal.
- v. Sistem pemilikan harta.
- vi. Bahasa perbilangan, terombo dan pepatah.
- vii. Ekonomi dalam adat.
- viii. Seni budaya seperti seni bina, makanan, muzik dan lagu, pakaian, adat dan istiadat, cerita rakyat dan pantang larang.

- ix. Amalan gotong-royong.
- x. Kesopanan dan kesusilan.

Kajian ini juga dapat disimpulkan, keperluan penyediaan teras Adat Pepatih Negeri Sembilan ini telah disokong oleh pemimpin-pemimpin adat serta dalam kalangan pengkaji dalam bidang Adat Perpatih.

Manakala berbeza pula dengan kajian lepas iaitu karya Mila Mardotillah & Dian Mochammad Zein, (2017) yang bertajuk Silat: Identiti Budaya, Pendidikan, Seni Bela Diri dan Pemeliharaan Kesihatan. Dalam kajian ini telah mengupas tentang identiti seni bela secara lebih terperinci. Secara umumnya, pembentukan identiti ditentukan oleh ras, etnik, kasta, latar belakang, gender, agama dan sebagainya. Kajian ini juga menyentuh mengenai definisi identiti yang bermaksud sebuah tanda, baik peribadi maupun kelompok besar yang menjadi ciri khas untuk membentuk sebuah perilaku. Berdasarkan penelitian kajian ini juga, silat merupakan salah satu ciri yang mempunyai identiti warisan budaya. Selain itu, fungsi silat juga turut dibincangkan dalam kajian ini. Antaranya silat berfungsi sebagai alat pendidikan iaitu dalam pendidikan rohani dan jasmani. Namun, silat bukan sahaja berfungsi sebagai keselamatan diri tetapi juga berkembang menjadi sukan olahraga di peringkat antarabangsa. Hal ini secara tak langsung identiti silat ini mampu dikekalkan dengan mempunyai kepelbagai fungsi.

Seterusnya, kajian lepas yang berkaitan dengan identiti adalah Budaya dan Identiti dalam Kalangan Orang Bawean Malaysia (Muhammad Ridhwan Sarifin & Mohamad Fauzi Sukimi, 2018). Budaya dan identiti saling berkait rapat antara satu sama lain. Hal ini secara tidak langsung akan membentuk satu

tingkah laku dan pemikiran. Kajian ini menumpukan kepada kecenderungan budaya dan identiti orang Bawean. Orang Bawean dipilih berbanding sub etnik Melayu yang lain kerana mereka berpegang kuat pada pesanan orang tua supaya mengekalkan budaya dan adat ke mana sahaja mereka pergi (Media Bawean, 2011). Hasil daripada perbincangan kajian ini, dapat dikaitkan dengan pemilihan kaum dengan menggunakan model Integrasi Identiti Dwibudaya (Bicultural Identity Integration atau BII) yang digagaskan oleh Benet-Martinez & Hariratos (2005). Penggunaan model ini bagi membincangkan kaitan antara pembangunan negara-bangsa dengan kecenderungan sesuatu etnik untuk berintegrasi. Selain itu, isu budaya dan identiti dalam konteks negara juga diutarakan dalam kajian ini. Dalam membincangkan tentang pembentukan identiti, ada sarjana melihat identiti sebagai sesuatu yang tidak stabil dan sentiasa berubah-ubah mengikut peredaran semasa dan keperluan politik (Vignoles et al. 2011). Hal ini kerana terdapat persamaan antara orang Bawean itu bersepadu mengikut budaya orang Melayu. Namun demikian, integrasi identiti dwibudaya orang Bawean tidak sepenuhnya tersepadu.

Selain itu, kajian lepas mengenai identiti warisan iaitu Impak Modernisasi dan Pengkomersilan Terhadap Keaslian Makanan Tradisi dan Identiti Budaya Etnik Kadazan-Dusun di Sabah ditulis oleh sarjana Halina Sendera Mohd Yakin et al. (2020). Secara umumnya, etnik Kadazan-Dusun terkenal dengan makanan tradisi seperti hinava, pinaasakan, sup ayam lihing, bosou, nonsoom sada (ikan), bambangan dan tuhau. Penyebaran melalui media sosial seperti Facebook, WhatsApp, Instagram dan lain-lain secara tidak langsung makanan tradisi ini dapat dikekalkan sehingga ke hari ini. Hasil dapatan kajian ini juga mendapati bahawa lokasi petempatan mempengaruhi keaslian makanan tradisi dan juga

tahap serta kaedah pengkomersilan makanan tradisi tersebut. Pengkomersilan dan pemodenan sedikit sebanyak mempengaruhi keaslian makanan tradisi etnik Kadazan-Dusun khususnya tuhau dan bambangan. Walau bagaimanapun, identiti budaya etnik ini masih dikekalkan kerana penyediaan secara tradisi masih turut dipasarkan dan mendapat sambutan dalam kalangan penduduk. Oleh itu, langkah yang sewajarnya perlu diambil untuk mengekalkan dan pengkomersilkan makanan tradisi ini pada masa akan datang.

Berdasarkan kajian-kajian sarjana terdahulu dapat disimpulkan bahawa kajian mengenai pemuliharaan serta identiti warisan terhadap seni ukir didapati masih belum ada penyelidik menjalankan kajian secara lebih khusus. Penekanan oleh sarjana terdahulu mengenai pemuliharaan kebanyakannya berkaitan dengan pemuliharaan tapak warisan. Manakala, kajian mengenai seni ukir yang dilakukan oleh penyelidik terdahulu mengupaskan tentang jenis-jenis seni, motif-motif ukiran serta menumpukan kepada perkembangan seni ukir khat di Terengganu. Namun demikian, kajian mengenai pemuliharaan seni ukiran kayu yang boleh dianggap sebagai identiti masyarakat Kampung Raja, Besut, Terengganu didapati tiada lagi penyelidik yang mengkajinya.

2.4 KERANGKA TEORITIKAL

Kepentingan kerangka teori adalah untuk penelitian sebagai landasan teori bagi pengkaji menyelesaikan masalah dalam proses penyelidikan (Sofian Effendi & Masri Singarimbum, 1982). Penelitian kajian ini tertumpu kepada pemuliharaan seni ukiran yang boleh dianggap sebagai identiti Kampung Raja, Besut, Terengganu. Hal ini kerana penerimaan komuniti setempat dijadikan kayu ukur dalam mengklasifikasikan seni ukiran sebagai identiti mereka. Pengaplikasikan Teori Identiti Sosial (1970) ini dapat dilihat dari sudut tiga proses kognitif utama iaitu seperti berikut:

i. Pengkategorian sosial

Proses untuk memperkenalkan individu dalam kumpulan sosial untuk memahami dunia sosial kita. Pengkategorian sosial secara umumnya adalah proses membolehkan kita menentukan orang termasuk diri kita dalam kumpulan yang kita anggap. Pengkategorian sosial juga menjelaskan penekanan pada persamaan orang dalam kumpulan yang sama serta perbezaan yang berbeza pada kumpulan yang berasingan.

ii. Pengenalan sosial

Proses mengenal pasti antara ahli kumpulan. Mengenal pasti secara sosial antara ahli kumpulan yang lain menyebabkan individu berkelakuan dengan cara mereka percaya anggota kumpulan mereka itu sendiri.

iii. Perbandingan sosial

Proses untuk individu membandingkan kumpulan mereka dengan kumpulan yang lain dari segi kedudukan sosial. Untuk menjaga nama kumpulan, individu tersebut hendaklah menganggap dirinya dalam kumpulan mempunyai kedudukan sosial yang tinggi berbanding kumpulan yang lain. Kesan daripada kesinambungan pemuliharaan dan penerimaan komuniti sekaligus dapat memberi impak positif terhadap pengekalan warisan seni ukiran di Kampung Raja, Besut, Terengganu.

Oleh itu, kajian ini menggunakan Teori Identiti Sosial untuk dijadikan kayu ukur komuniti Kampung Raja terhadap seni ukiran. Kerangka teori kajian ini adalah seperti Rajah 2.2:

Pemuliharaan Seni Ukir Sebagai Identiti Warisan Melayu: Tinjauan di Kampung Raja, Besut, Terengganu


Teori Identiti Sosial (Henri Tajfel & John Turner, 1970)

Proses dalam menentukan masyarakat melalui tiga proses kognitif identiti sosial

Pengkategorian sosial adalah proses untuk kita menyusun individu ke dalam kumpulan sosial untuk memahami dunia kita.

Pengenalan sosial adalah seperti proses mengenal pasti antara ahli kumpulan.

Perbandingan sosial adalah proses orang membandingkan satu kumpulan dengan kumpulan yang lain.



Rajah 2.2: Kerangka Teoritikal Kajian

2.5 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan tentang penyelidikan terdahulu yang dijalankan oleh sarjana seperti kajian pemuliharaan, seni ukir dan identiti warisan. Kajian lepas yang telah dibentangkan mampu mengukuhkan lagi penyelidikan yang dipilih dari segi maklumat dan fakta. Berdasarkan kajian lepas yang dijalankan, didapati masih belum ada sarjana mengkaji tentang pemuliharaan seni ukir. Dalam bab ini juga, pengkaji turut menjelaskan tentang kerangka teori yang digunakan iaitu Teori Identiti Sosial (1970). Teori ini dibincangkan berdasarkan proses dalam menentukan masyarakat pada tahap-tahap tentu yang mampu dijadikan seni ukir sebagai identiti masyarakat.

BAB III


METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Dalam bab ini membincangkan metodologi yang digunakan oleh pengkaji dalam melaksanakan kajian ini. Ia bertujuan memberi penjelasan bagaimana kajian dijalankan, data-data diperoleh dan dianalisis bagi mendapat maklumat yang tepat. Merujuk kepada reka bentuk kajian yang bermaksud satu tatacara pengolahan data yang dipungut berdasarkan perancangan khusus dan sistematik terhadap konsep pembentukan rangkaian hubungan antara boleh ubah yang terlibat dalam sesuatu kajian (Kerlinger, 1970). Hal ini juga merujuk kepada cara penyelidik mengendali kajian dan prosedur atau teknik yang digunakan bagi mencapai objektif kajian. Tujuan reka bentuk kajian adalah untuk mengawal punca-punca yang boleh mengganggu dapatan kajian (McMillan & Schumacher 1984). Selain itu, dalam bab ini juga menerangkan tentang proses pengumpulan data dan kaedah analisis kajian.

Langkah utama bagi kajian ini adalah dimulakan dengan mengenalpasti permasalahan diikuti dengan tujuan kajian iaitu objektif kajian. Manakala pada peringkat kedua adalah dengan melakukan kajian lepas. Dengan adanya kajian lepas, hal ini secara tidak langsung dapat memperbaiki kelemahan pengkaji dalam masa yang sama dapat mengenal pasti kelompongan terhadap kajian ini. Selain itu, peringkat yang ketiga adalah dengan melakukan kajian lapangan yang tertumpu di Kampung Raja,

Besut, Terengganu. Data-data yang diperoleh dianalisis pada peringkat seterusnya. Dalam perkara ini, pegkaji juga turut menunjukkan carta alir bagi memberi gambaran secara ringkas proses menjalankan kajian iaitu seperti berikut:



Rajah 3.1: Carta alir reka bentuk kajian

3.2 PROSES PENGUMPULAN DATA

Pengumpulan data adalah peringkat proses penyelidikan dimana para penyelidik menggunakan kaedah dan teknik saintifik untuk mengumpulkan data sistematik serta tujuan analisis. Terdapat beberapa kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini iaitu seperti berikut:

3.2.1 Data Sekunder

Menurut Hasan (2002), data sekunder adalah data yang diperoleh atau dikumpulkan oleh orang yang melakukan penelitian dari sumber-sumber yang telah ada. Seperti mana yang diperkatakan oleh Umi Narimawati (2008) iaitu data sekunder merupakan data yang sudah tersedia sehingga kita tinggal mencari dan mengumpulkan data. Hal ini data sekunder merujuk kepada kajian kepustakaan.

i. Kajian Kepustakaan

Menurut Zaleha Mohd Jaafar, (2009) menjelaskan definisi kajian kepustakaan bermaksud usaha yang dilakukan oleh penyelidik untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan objektif kajian. Roth (1986) menyatakan untuk melakukan kajian kepustakaan, perpustakaan merupakan suatu tempat yang tepat dan berguna dalam memperoleh bahan-bahan dan maklumat yang relevan untuk dikumpulkan, dibaca, dikaji serta dicatat serta dimanfaatkan. Namun begitu, maklumat tersebut juga dapat diperoleh dengan merujuk sumber elektronik. Dalam konteks ini, lazimnya kaedah ini menggunakan sumber-sumber bertulis yang bercetak seperti buku-buku ilmiah, jurnal, keratan akhbar, tesis dan ensiklopedia.

3.2.2 Data Primer

Rohana Yusof (2004), menyatakan data primer adalah data yang berasal dari sumber asli iaitu sumber utama. Hal ini kerana data primer dikatakan sumber data yang secara langsung memberi data kepada pengumpul data (Sugiyono, 2016). Data primer ini dikumpul secara khusus untuk menjawab persoalan kajian (Sabitha Marican, 2005). Dalam kajian ini, data primer merujuk kepada soal selidik.

i. Soal Selidik

Menurut Ghazali (2003), kaedah soal selidik merupakan kaedah yang berkesan untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian dan soal selidik juga merupakan satu set soalan untuk mendapatkan maklumat kajian. Hal ini dapat dikaitkan dengan pendapat Jones dan Clarke (1994), iaitu kaedah soal selidik amat sesuai digunakan untuk mendapatkan data yang berkaitan dengan sesuatu kajian yang dijalankan. Bagi kaedah ini, pengkaji akan menyediakan satu borang selidik untuk mendapatkan jawapan daripada pihak responden mengenai pemuliharaan ukiran kayu yang berpotensi dijadikan sebagai identiti warisan di Kampung Raja, Besut, Terengganu.

Borang soal selidik diedarkan kepada responden kajian untuk mengumpul maklumat berkaitan kajian. Populasi kajian adalah kalangan seramai 419 orang penduduk Kampung Raja, Besut, Terengganu. Namun borang soal selidik diedarkan kepada responden yang terdiri daripada pengukir dan komuniti iaitu seramai 201 orang responden. Pemilihan responden adalah berdasarkan jadual Krejcie & Morgan (1970), yang dipilih secara rawak. Jadual Krejcie & Morgan (1970) yang diubahsuai oleh Chua Yian Piaw 2011) adalah seperti berikut jadual 3.1 di bawah.

Jadual 3.1: Jadual Penentuan Saiz Sample Krejcie & Morgan (1970)


N	S	N	S	N	S	N	S	N	S
10	10	100	80	280	162	800	260	2800	338
15	14	110	86	290	165	850	265	3000	341
20	19	120	92	300	169	900	269	3500	246
25	24	130	97	320	175	950	274	4000	351
30	28	140	103	340	181	1000	278	4500	351
35	32	150	108	360	186	1100	285	5000	357
40	36	160	113	380	181	1200	291	6000	361
45	40	180	118	400	196	1300	297	7000	364
50	44	190	123	420	201	1400	302	8000	367
55	48	200	127	440	205	1500	306	9000	368
60	52	210	132	460	210	1600	310	10000	373
65	56	220	136	480	214	1700	313	15000	375
70	59	230	140	500	217	1800	317	20000	377
75	63	240	144	550	225	1900	320	30000	379
80	66	250	148	600	234	2000	322	40000	380
85	70	260	152	650	242	2200	327	50000	381
90	73	270	155	700	248	2400	331	75000	382
95	76	270	159	750	256	2600	335	100000	384

Sumber: Chua Yian Paw (2011)

Borang selidik dibina dan dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D bagi memudahkan responden memahami secara jelas mengenai kajian yang dilakukan. Pada bahagian A, soalan lebih tertumpu kepada demografi responden. Manakala bahagian B pula tertumpu kepada soalan mengenai pengetahuan tentang sejarah seni ukir. Bahagian C pula soalan mengenai peranan pengukir dalam pemuliharaan seni ukir dan bahagian D ialah berkaitan dengan potensi pemuliharaan ukiran kayu di Kampung Raja, Besut. Dalam perkara ini, pegkaji juga turut menunjukkan jadual 3.2 bagi memberi gambaran secara ringkas pembahagian soalan soal selidik dan rajah 3.2 mengenai proses aliran pembinaan soal selidik iaitu seperti berikut:

Jadual 3.2: Jadual Pembahagian Soalan Soal Selidik

Bahagian A	Bahagian B	Bahagian C	Bahagian D
Soalan demografi responden: i. Jantina ii. Umur iii. Bangsa iv. Pekerjaan	Soalan mengenai pengetahuan sejarah dan perkembangan seni ukir.	Soalan mengenai peranan pengukir dalam pemuliharaan seni ukir.	Soalan mengenai potensi pemuliharaan seni ukir yang boleh dianggap identiti.



Rajah 3.2: Proses Aliran Pembinaan Soalan Soal Selidik

ii. Persampelan

Menurut Sulaiman Masri (2002), persampelan merupakan satu usaha bagi seseorang pengkaji untuk memperolehi maklumat daripada sampel kajian yang dapat mewakili populasi tersebut. Segala maklumat yang diperolehi merupakan suatu bentuk data primer yang benar dan tidak boleh dipertikaikan. Mohd. Majid Konting (2000) menyatakan bahawa populasi yang tepat dan teliti akan menentukan parameter populasi yang dikaji. Populasi menentukan sejauh, atau sebanyak mana data dan maklumat perlu dikumpul untuk dianalisis. Populasi juga menentukan masa dan tenaga yang akan digunakan untuk melaksanakan penyelidikan. Oleh itu, kajian ini menggunakan seramai 201 orang yang terdiri daripada pengukir dan komuniti Kampung Raja, Besut, Terengganu dipilih sebagai persampelan kajian.

3.2.3 Kaedah Kualitatif

Trochim (2006) menyatakan kaedah kualitatif adalah sebagai reka bentuk kajian anjal kerana reka bentuk kajian kualitatif tidak menetapkan secara khusus apa dan bagaimana kajian hendak dijalankan pada awal kajian. Manakala menurut Robsom (2007), reka bentuk kajian kualitatif berkembang, membangun dan terbuka seiring dengan kemajuan kajian. Kajian kualitatif melibatkan penakulan induktif bagi memahami situasi tertentu termasuk sejarah dan pengalaman individu. Dalam kajian ini, pengkaji memilih kaedah kualitatif iaitu kajian kepustakaan.

3.2.4 Kaedah Kuantitatif

Menurut Sugiyono (2016), kaedah kuantitatif bermaksud kaedah penyelidikan yang berlandaskan pada falsafah yang positif, digunakan untuk mengkaji populasi atau

sampel tertentu dimana teknik persampelan umum yang dilakukan secara rawak. Kaedah ini berfungsi untuk memberi gambaran terhadap objek yang dikaji melalui data atau sampel yang telah terkumpul tanpa melakukan analisis dan membuat kesimpulan yang berlaku secara umum. Namun demikian, menurut Wimmer (1987) menyatakan kaedah ini akan menggunakan maklumat dan data yang sedia sebagai sumber maklumat utama. Dalam kajian ini, kaedah kuantitatif digunakan dengan menyediakan satu set soalan bagi mendapat data tentang tahap peratusan pemahaman terhadap seni ukir dan potensi pemuliharan seni ukir yang boleh dianggap sebagai identiti di Kampung Raja, Besut, Terengganu.

3.3 KAEDAH ANALISIS DATA

Menurut Sugiyono (2010) menjelaskan kaedah analisis data adalah proses mencari data, menyusun secara sistematik data yang diperoleh dari hasil wawancara, catatan lapangan dan dokumentasi. Analisis data juga merupakan proses menyusun data, mengorganisasikannya ke dalam suatu pola, kategori dan dirumuskan sebagai hipotesis (Patton, 1980). Bagi kajian ini, kaedah yang digunakan untuk menganalisis data adalah kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif.

3.3.1 Analisis Data Kualitatif

Analisis data kualitatif dalam kajian ini merujuk kepada kajian kepustakaan. Analisis data kualitatif adalah usaha yang dilakukan dengan mengumpul data, memecahkannya kepada unit-unit yang terkawal, mensistensiskannya, mencari pola, mencari apa yang penting dan apa yang perlu dipelajari serta memutuskan

apa yang akan perlu diberitahu kepada orang lain (Bogdan & Biklen, 1982). Dalam kajian ini, penelitian analisis data kualitatif tertumpu kepada teknik analisis tematik.

Analisis tematik adalah kaedah menganalisis data kualitatif. Biasanya diterapkan pada sekumpulan teks, seperti transkrip wawancara. Hal ini kerana penyelidik memeriksa data dengan teliti untuk mengenal pasti tema umum iaitu dari segi topik, idea dan corak makna yang muncul berulang kali (Braun & Clarkle, 2006). Berpandukan teknik analisis tematik, terdapat beberapa tahap bagi mendapatkan data antaranya ialah seperti berikut:

- i. Memahami data
- ii. Menyusun kod
- iii. Mencari tema

Namun, menurut Corbin dan Strauss (2008) analisis data bukan sehaja mengekod dan membentuk tema-tema untuk data yang dipungut, "*It involves interacting with data (analysis) using techniques such as asking questions about the data, and so on, making comparisons between data, and in doing so, deriving concepts to stand for those data, then developing those concepts in terms of their properties and dimensions.*" Hal ini dapat dijelaskan analisis data melibatkan penggunaan teknik seperti bertanya soalan, membuat perbandingan dan kaedah lain terhadap data yang dikumpul.

3.3.2 Analisis Data Kuantitatif

Analisis dapatan data bagi kajian ini melibatkan pendekatan kuantitatif yang merupakan penginterpretasian terhadap data-data yang diperoleh dan dipaparkan ke dalam bentuk deskriptif statistik dan dalam bentuk peratusan. Bagi mendapatkan angka peratusan, formula yang digunakan adalah dengan jumlah skor jawapan

pilihan dibahagikan dengan responden dan didarabkan dengan nilai seratus seperti berikut:

$$\text{Peratusan} = \frac{\text{Jumlah Skor Jawapan Pilihan}}{\text{Jumlah Responden}} \times 100$$

Data dianalisiskan bagi memporeleh data tentang pemuliharaan seni ukir di Kampung Raja, Besut. Hal ini dapat menyokong dan mengukuhkan maklumat sedia ada dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Dalam pada itu, berpandukan kepada persolan kajian dan objektif kajian, ia dapat memudahkan pengkaji dalam menganalisis data mengikut dasar objektif yang telah dirangka dalam kajian.

3.4 KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN

Kesahan merujuk kepada ketepatan (*appropriateness*), kebenaran (*truthfulness*), bermakna (*meaningful*) dan kebolehgunaan (*usefulness*) terhadap instrumen yang membolehkan data-data dibezakan (Fraenkel Jack. R et al, 1996). Kesahan juga bermaksud persetujuan antara dua percubaan untuk mengukur data yang sama secara maksimum dengan kaedah yang berlainan (Campbell D. & Fisike D., 1959). Manakala kebolehpercayaan pula bermaksud satu konsep yang merujuk kepada ketekalan dan kestabilan sesuatu alat ukur bagi kajian yang tertumpu kepada soal selidik mencapai terhadap sesuatu gagasan. Kebolehpercayaan juga bertujuan untuk mengetahui sama ada ukuran itu memberikan jawapan yang sama apabila ia digunakan untuk mengukur konsep yang sama kepada populasi atau sampel kepada responden yang sama (Sabitha Marican, 2005). Kesahan dan kebolehpercayaan sesuatu instrumen adalah penting bagi

memastikan dapatan yang diperoleh dapat dipercayai dan tidak dipersoalkan (Kerlinger & Lee, 2001). Langkah pertama bagi memastikan kualiti instrumen ialah dengan memastikan kesahan instrumen yang diikuti langkah seterusnya iaitu menentukan kebolehpercayaan.

3.4.1 Kesahan dan Kebolehpercayaan Data Kualitatif

Menurut Bogdan dan Biklen (2003) salah satu kesahan dan kebolehpercayaan data kualitatif adalah dengan melakukan kajian rintis. Pengkaji telah menyiapkan inventori soalan sebelum menyerahkan kepada penyelia untuk melihat keselarasan antara objektif kajian dan persoalan kajian. Lincoln dan Guba, (1985) mengemukakan empat kriteria iaitu kredibiliti, kebolehpindahan, kebolehharapan dan *confirmability* untuk mengukuhkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian kualitatif. Kebolehharapan diaplikasikan untuk memastikan dapatan kajian adalah konsisten dan boleh diulangi. Kriteria tersebut adalah mempunyai persamaan dengan kebolehpercayaan kajian (Merriam, 1998). Hal ini kerana sekiranya kajian yang sama diulangi, dapatan yang sama akan ditemui. Dalam kajian kualitatif, manusia ialah instrumen kajian, maka ulangan kajian kualitaif tidak semestinya akan mendapat dapatan kajian yang sama. Namun, masalah ini dapat diatasi ataupun menjadikan dapatan kajian lebih boleh dipercayai melalui latihan dan praktik. Walau bagaimanapun, semakan penyelia untuk kajian merupakan teknik yang diaplikasikan untuk mendapat kebolehharapan kajian ini. Penyelia adalah sebagai audit luaran yang terlibat dalam proses kajian ini. Tujuan ini adalah untuk menilai ketepatan dapatan, interpretasi dan kesimpulan yang dibuat berdasarkan data yang dikumpul. Manakala, bagi mendapatkan data kualitatif mempunyai kepercayaan yang tinggi adalah dengan melakukan trigulasi data (Wiersma, 1991). Triangulasi

data dalam kajian ini melalui beberapa cara yang dipilih supaya data yang diperoleh mencapai tahap kepercayaan yang tinggi iaitu (*multiple case* atau *multisite studies*). Hal ini bersesuaian dengan kajian yang dijalankan berbentuk kajian lapangan (Meriam, 1998).

3.4.2 Kesahan dan Kebolehpercayaan Data Kuantatif

Bagi kesahan dan kebolehpercayannya soal selidik, pengkaji akan mengumpul bukti terhadap kesahan instrumen melalui sekumpulan pakar rujuk (*expert judgement*). Fraenkel & Norman (2005), telah menggariskan jenis tujuan yang mendorong kepada kesahan instrumen dalam memastikan sesuatu ukuran yang digunakan mengandungi semua dalam konsep tersebut. Tujuan kesahan instrumen juga ialah bagi menjamin kesahan item-item (instrumen) agar sentiasa bersifat:

- i. Boleh dipertahankan (*Deensibility*): Hasil kajian adalah tepat dan berguna
- ii. Ketepatan (*Accuracy*): Sesuatu instrumen mampu menjawab persoalan kajian
- iii. Kesesuaian (*Appropriateness*): Penggunaan instrumen relevan dengan tujuan kajian
- iv. Bermakna (*Truthfulness*): Memberi makna terhadap data melalui skor.
- v. Kebolehgunaan (*Meaningfulness*): Kemampuan instrumen dalam membuat keputusan berhubung dengan apa yang dicari kerana keputusan dari penilaian tersebut adalah penting dalam menyediakan maklumat yang bermakna mengenai tajuk dan pembolehubah yang hendak diukur bagi membezakan data kajian.

Manakala kebolehpercayaan kaedah soal selidik adalah pengkaji akan membina soal selidik untuk menguji tahap kefahaman sesuatu kelompok. Kirk & Miller (1986) mentakrifkan kebolehpercayaan dalam kajian kuantitatif sebagai sesuatu yang merujuk kepada darjah pengukuran iaitu walaupun kajian diukur banyak kali pada waktu yang sama tetapi ukurannya juga masih sama.

3.5 KESIMPULAN

Metodologi kajian adalah kaedah bagi memperoleh data-data dan maklumat lain bagi menyokong penyelidikan yang akan dijalankan. Pengkaji turut menjelaskan tentang kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat dengan merujuk kepada sumber primer dan sumber sekunder. Data-data tersebut dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kuanlitatif dan analisis kualitatif iaitu teknik analisis tematik. Selain itu, bagi mengukuhkan kajian ini pengkaji juga menerangkan tentang kesahan dan kebolehpercayaan dalam mendapatkan data.

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan mengenai hasil dapatan kajian dengan lebih terperinci. Bagi mendapatkan maklumat kajian, pengkaji telah menggunakan kaedah kuantitatif bagi analisis pemuliharaan seni ukir dengan menggunakan Teori Identiti Sosial (1970). Dapatan kajian ini diperolehi melalui kaedah soal selidik dan dianalisis untuk mendapatkan statistik seperti kekerapan dan peratusan yang dipersembahkan dalam bentuk jadual.

Data mengenai pemuliharaan responden terhadap seni ukir diperolehi melalui soalan soal selidik yang dibahagikan kepada empat bahagian utama iaitu bahagian A, B, C dan D. Bahagian A merangkumi soalan berkaitan latar belakang atau data demografi responden. Antaranya ialah jantina, umur, bangsa dan pekerjaan. Bahagian B, merangkumi soalan berkaitan pengetahuan sejarah seni ukir. Manakala, bahagian C pula merangkumi soalan peranan pengukir dalam pemuliharaan seni ukir. Bahagian terakhir iaitu bahagian D, merangkumi potensi pemuliharaan seni ukir yang boleh dianggap identiti.

4.2 PEMULIHARAAN SENI UKIR SEBAGAI IDENTITI WARISAN MELAYU DI KAMPUNG RAJA, BESUT, TERENGGANU

Pemuliharaan seni ukir di Kampung Raja, Besut ditinjau dari aspek demografi responden, pengetahuan tentang sejarah perkembangan seni ukir, peranan pengukir dalam pemuliharaan seni ukir dan potensi pemuliharaan seni ukir.

4.2.1 Demografi Responden

Seramai 201 orang responden daripada komuniti dan pengukir Kampung Raja, Besut telah dipilih sebagai sampel kajian bagi mengenalpasti potensi pemuliharaan seni ukir yang boleh dianggap identiti Kampung Raja. Bahagian A ialah huriahan mengenai latar belakang yang dilihat daripada aspek jantina, umur, bangsa dan pekerjaan yang dipersembahkan dalam bentuk Jadual 4.1 seperti berikut:

Jadual 4.1: Demografi Responden

Kategori		N	%
Jantina	Lelaki	116	57.7
	Perempuan	85	42.3
Umur	18 – 25 tahun	91	45.3
	26 – 35 tahun	69	34.3
	36 – 45 tahun	28	13.9
	46 – keatas	13	6.5
Bangsa	Melayu	193	96
	Cina	5	2.5
	India	0	0
	Lain-lain	3	1.5
Pekerjaan	Sektor kerajaan	36	17.9
	Sektor swasta	66	32.8
	Bekerja sendiri	86	42.8
	Tidak bekerja	13	6.5

(N = Kekerapan, % = Peratus)

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Berdasarkan Jadual 4.1, analisis kajian terhadap demografi responden menunjukkan seramai 116 orang responden (57.7%) adalah terdiri daripada responden lelaki, manakala sebanyak 85 orang responden (42.3%) adalah responden perempuan. Hasil dapatan kajian terhadap umur responden mendapat, responden berumur 18 tahun hingga 25 tahun merupakan majoriti kajian ini iaitu seramai 91 orang responden (45.3 %). Bagi responden yang berumur 26 tahun hingga 35 tahun seramai 69 orang responden (34.3%). Manakala responden yang berusia 36 tahun hingga 45 tahun adalah sebanyak 28 orang responden (13.9%). Kekerapan responden yang berumur 46 tahun keatas adalah seramai 24 orang (6.5%).

Demografi responden menunjukkan terdapat tiga jenis bangsa yang dikenalpasti dalam kalangan responden. Majoriti responden dalam kajian ini ialah berbangsa Melayu iaitu seramai 193 orang responden (96%). Manakala responden berbangsa Cina seramai 5 orang responden (2.5%) dan dari lain-lain bangsa iaitu seramai 3 orang responden (1.5%).

Dapatan kajian terhadap analisis demografi responden menunjukkan majoriti bidang pekerjaan responden adalah bekerja sendiri iaitu seramai 86 orang responden (42.8%). Manakala bagi jumlah responden yang berkerja sektor swasta seramai 66 orang responden (32.8%) dan sektor kerajaan seramai 36 orang responden (17.9%). Bagi yang tidak bekerja pula, seramai 13 orang responden (6.5%) sahaja.

Secara keseluruhannya, hasil dapatan terhadap demografi responden mendapat majoriti responden adalah kalangan jantina lelaki berbangsa Melayu yang berumur antara 18 tahun hingga 25 tahun. Manakala, majoriti daripada mereka adalah bekerja sendiri.

4.2.2 Pengetahuan Sejarah dan Perkembangan Seni Ukir

Pengetahuan tentang sejarah dan perkembangan seni ukir diperoleh daripada analisis soal selidik Bahagian B yang dipersembahkan dalam Jadual 4.2. Bahagian ini menghuraikan pengetahuan responden mengenai kefahaman dan asal usul seni ukir di Kampung Raja, Besut. Soalan soal selidik pada bahagian ini bertujuan untuk mengenalpasti pengetahuan dan kesedaran responden terhadap kewujudan seni ukir di Kampung Raja, Besut.

Hasil tinjaun berkaitan item 1 iaitu *seni ukiran merupakan salah satu warisan masyarakat Melayu* menunjukkan responden memilih jawapan ya adalah majoriti dalam kajian ini iaitu seramai 197 orang responden (98%) berrbanding jawapan tidak iaitu seramai 4 orang responden (2%). Begitu juga persamaan bagi kekerapan dan peratusan responden bagi item 2 iaitu *seni ukiran berubah dari segi motif, maksud dan tujuan*. Manakala seramai 197 orang responden (98 %) menyokong bagi kenyataan item 3 iaitu *seni ukiran adalah lambang dan simbol kekayaan bagi meletakkan darjat seseorang individu* berbanding 4 orang responden (2%) memilih jawapan tidak. Majoriti responden kajian menyokong pernyataan tersebut kerana seni ukiran merupakan satu warisan dan jati diri budaya masyarakat Melayu di Malaysia. Menurut Ismail dan Ahmad (2001), seni ukiran kayu Melayu adalah sebahagian daripada seni budaya masyarakat Melayu yang mempengaruhi tiga aspek penting kehidupan bangsa Melayu iaitu status, kepercayaan dan kebudayaan. Ketiga-tiga aspek ini dihuraikan di setiap ukiran kayu melaui falsafah, makna dan fungsinya yang berbeza bagi setiap penggunaannya. Status seseorang ditunjukkan melalui cara penerapan seni ukiran kayu Melayu ke dalam seni bina Melayu seperti istana, rumah dan masjid di samping peralatan dan perhiasan.

Penyataan ini telah diperkuat oleh Norazit (2001) yang menyatakan bertambah banyak seni ukiran kayu sesebuah rumah semakin tinggi status tuannya.

Selain itu, seramai 193 orang responden (96%) menyokong bagi item 4 iaitu *daerah Besut, Terengganu terkenal dengan ramai pengukir hebat dan berbakat besar* berbanding hanya 8 orang responden (4%) yang memilih jawapan tidak. Hasil dapatan analisis responden menunjukkan responden mengenali pengukir-pengukir ukiran kayu di Besut, Terengganu. Menurut Mohd Taha Yaacob (2019), ramai pengukir tersohor lahir di daerah ini antaranya Allahyarham Wan Su Wan Othman, Allahyarham Che Long Yusof, Allahyarham Ibrahim Tengku Wook, Allahyarham Wan Mustaffa Wan Su, Norhaiza Noordin dan Mohd Salizan Abd Rahman. Buktinya, mereka bukan calang-calang pengukir seperti Wan Su dianugerahkan Tokoh Seni Negara 1997 manakala Norhaiza Noordin merupakan Yang Dipertua Persatuan Pengiat-Pengiat Seni Ukiran Kayu Malaysia (Pengukir) sekaligus dianugerahkan pengiktirafan tinggi sebagai Warisan Kebangsaan Orang Hidup pada 17 Oktober 2018.



Gambar 4.1: Sijil Pengiktirafan Norhaiza sebagai Warisan Kebangsaan Orang Hidup

Sumber: Utusan Borneo, 2019

Seterusnya, seramai 194 orang responden (96.5%) menyokong bagi item 5 iaitu *sejarah perkembangan seni ukiran di Kampung Raja, Besut dikaitkan dengan sistem pemerintahan insitut beraja* berbanding 7 orang responden (3.5%) sahaja memilih jawapan tidak. Bagi item 6 pula iaitu *perkembangan seni ukiran di Besut, Terengganu dapat dilihat pada istana raja iaitu Istana Tengku Long*, seramai 194 orang responden (96.5%) menyokong berbanding 7 orang responden (3.5%) yang tidak menyokong. Hasil dapatan analisis responden menunjukkan responden mendalami sejarah seni ukir di Kampung Raja, Besut. Berdasarkan artikel *Teganu Kite Seni Kite* (2021), Istana Tengku Long kini berusia 117 tahun sejak dibina pada 1904 oleh tukang rumah terkenal dari Pahang, Cik Hat. Asalnya ia didirikan kira-kira 30 meter dari Sungai Besut di Kampung Raja dan hari ini Istana Tengku Long dapat dilihat dan dijaga rapi di Kampung Budaya Terengganu. Sejarah perkembangan istana ini pada mulanya, Tengku Long mendiami istana ini sewaktu memerintah di Besut, Terengganu yang mana kemudiannya dihuni oleh menantu beliau, Tengku Sulong. Uniknya, struktur binaan istana ini berdasarkan Limas Bungkus atau Perabung Lima. Beberapa ruang dibahagi-bahagikan di dalam istana ini termasuk ruang menghadap, surung, bilik santapan, serambi, bilik beradu serta jemuran. Istana ini sangat kukuh kerana sebahagian besar bahan binaan adalah kayu cengal yang didapati dari hutan sekitar Besut, Terengganu. Tambahan pula, Istana Tengku Long bertambah indah dihiasi dengan pelbagai ukiran yang bermotifkan awan larat, flora, geometri dan kaligrafi.



Gambar 4.2: Istana Tengku Long

Sumber: Kampung Budaya Terengganu, 2021



Gambar 4.3: Ruang Dalaman Istana Tengku Long

Sumber: Kampung Budaya Terengganu, 2021

Kenyataan item 7 merupakan *Istana Tengku Anjang Zahab mempunyai kaitan dengan sejarah pekembangan seni ukiran* dipersetujui 196 orang responden (97.5%) dan 5 orang responden (2.5%) menolak kenyataan tersebut. Hal ini menunjukkan majoriti responden memahami sejarah perkembangan seni ukir yang berkaitan dengan istana. Tajuddin Rasdi (2007), menyatakan Istana Tengku Anjang Zahab ini dibina pada

akhir tahun 1880. Istana ini dibina semasa pemerintahan Raja Palembang yang ketiga iaitu Tengku Chik Haji. Istana ini terdiri daripada kelompok rumah yang berasingan dan disambungkan dengan titian antara satu rumah ke rumah yang lain. Namun begitu, istana ini terbahagi kepada dua kelompok iaitu istana puteri dan rumah pengasuh. Manakala, struktur pembinaan berdasarkan kepada struktur tiang rasuk dan alang tetapi kesemua tiang yang digunakan dibina daripada kayu cengal. Menariknya, ukiran pada istana ini dapat dilihat pintu yang dihiasi dengan kelarai yang bermotifkan tumbuhan-tumbuhan.



Gambar 4.4: Istana Tengku Anjang Zainab

Sumber: Utusan Malaysia, 2007

Jadual 4.2: Pengetahuan Sejarah dan Perkembangan Seni Ukir

Item	YA		TIDAK	
	N	%	N	%
1. Seni ukiran merupakan salah satu warisan masyarakat Melayu.	197	98	4	2
2. Seni ukiran berubah dari segi motif, maksud dan tujuan.	197	98	4	2
3. Seni ukiran adalah lambang dan simbol kekayaan bagi meletakkan darjah seseorang individu.	197	98	4	2
4. Daerah Besut, Terengganu terkenal dengan ramai pengukir hebat dan berbakat besar.	193	96	8	4
5. Sejarah perkembangan seni ukiran di Kampung Raja, Besut dikaitkan dengan sistem pemerintahan insitut beraja.	194	96.5	7	3.5
6. Perkembangan seni ukiran di Besut, Terengganu dapat dilihat pada istana raja iaitu Istana Tengku Long.	194	96.5	7	3.5
7. Istana Tengku Anjang Zahab mempunyai kaitan dengan sejarah perkembangan seni ukiran.	196	97.5	5	2.5

(N=Kekerapan, % = Peratus)

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Kesimpulannya, majoriti responden bersetuju bahawa seni ukiran merupakan salah satu budaya masyarakat Melayu dan menyokong seni ukiran adalah simbol kekayaan individu. Majoriti responden juga bersetuju serta memahami sejarah perkembangan seni ukiran dikaitkan dengan sistem pemerintahan yang bertapak di Kampung Raja, Besut.

4.2.3 Peranan Pengukir Dalam Pemuliharaan Seni Ukir

Hasil dapatan terhadap peranan pengukir dalam pemuliharaan seni ukir diperoleh daripada analisis melalui Bahagian B soalan soal selidik kajian ini yang dipersembahkan dalam Jadual 4.3. Bahagian ini memfokuskan terhadap penglibatan pengukir terhadap pengekalan seni ukir.

Hasil tinjaun bagi item 1 *pengukir merupakan seorang yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang seni ukiran* menunjukkan 197 orang responden (98%) yang memilih jawapan ya adalah dalam kajian ini berbanding jawapan tidak iaitu 4 orang responden (2%). Manakala seramai 196 orang responden (97.5%) menyokong kenyataan item 2 *pengukir merupakan penggerak utama dalam usaha mengekalkan seni ukiran* berbanding 5 orang responden (2.5%) memilih jawapan tidak.


Selain itu, berdasarkan item 3 iaitu *pengukir haruslah menurunkan kemahiran kepada kumpulan pelapis supaya mempunyai kesinambungan dalam bidang ukiran* menunjukkan seramai 198 orang responden (98.5%) memilih jawapan ya dan 3 orang responden (1.5%) memilih jawapan tidak. Kenyataan ini dapat dikaitkan dengan salah satu kriteria Adiguru Kraf iaitu seseorang yang akan diberi penghormatan dan pengiktirafan oleh Kerajaan Malaysia sebagai tokoh/*master craftmen*. Mustapha Mohamad (1983), menegaskan kemahiran mengukir adalah satu kebolehan turun-temurun. Semakin mahir dan lama seseorang itu mengukir maka semakin banyak dapat mengilhamkan corak-corak ukirannya. Situasi ini juga dapat dilihat tiga orang anak kepada pengukir Che Long yang mewarisi bakat beliau iaitu Allahyarham Mohd Noor, Abd Latif dan Abdul Rahman Long. Dalam masa yang sama, ukiran ini pula diwarisi oleh cucunya iaitu Mohd

Salizan (Mohd Taha Yaacob, 2019). Hal ini secara tidak langsung, bidang ukiran masih dikekalkan dan mempunyai kesinambungan kepada generasi seterusnya.

Kenyataan item 4, *seseorang pengukir hendaklah mengenali budaya dan sejarah ukiran tempatan dalam mengekalkan ukiran pada masa akan datang* dipersetujui seramai 198 orang responden (98.5%) dan 3 orang responden (1.5%) menolak kenyataan tersebut. Manakala, seramai 198 orang responden (98.5%) menyokong bagi item 5 iaitu *pengukir perlulah berganding bahu dengan pihak tertentu bagi memulihara seni ukiran seperti mengadakan bengkel mengenai ukiran berbanding hanya 3 orang responden (1.5%) sahaja memilih jawapan tidak.* Kenyataan ini sehubungan Besut diisytharkan oleh kerajaan sebagai Daerah Ukiran Kayu pada Ogos 1999, kerajaan negeri telah membuka pusat latihan dalam bidang seni ukiran iaitu Desa Ukiran Kayu pada tahun 2008 yang dibina di tapak Istana Tengku Long (Zulkarnain Zain, 2019). Pusat latihan ini dibuka kepada golongan muda untuk terus menghidupkan seni warisan dan salah satu langkah untuk pengukir bergiat aktif bagi mengekalkan seni ukiran.

Seterusnya, kenyataan bagi item 6 iaitu *pengukir perlulah mendokumenkan nilai serta falsafah dalam sesebuah ukiran* menunjukkan seramai 198 orang responden (98.5%) memilih jawapan ya berbanding hanya 3 orang responden (1.5%) sahaja yang menolak kenyataan tersebut. Hal ini demikian kerana kebanyakan masyarakat Melayu sebelum ini tidak menggunakan bahan bertulis untuk perbualan dan perhubungan harian. Walau bagaimapun, masyarakat Melayu dahulu menggunakan ukiran sama ada kayu atau batu dan unsur bangunan lain dalam bentuk perumpamaan untuk menyampaikan amanat atau penafsiran kepada amalan kehidupan masyarakat, persejarahan serta iklim dan alam sekitar di kawasan mereka (Mastor Surat, 2013). Oleh itu, salah satu usaha bagi mengekalkan seni

ukiran, Balai Seni Negara telah menerbitkan buku pada tahun 2018 bertajuk Menelusuri Karya Seni Norhaiza yang memaparkan pelbagai hasil ukiran beliau dalam bentuk lukisan serta ukiran kayu.



Gambar 4.5: Buku Menelusuri Karya Seni Norhaiza

Sumber: Institut Alam dan Tamadun Melayu UKM, 2018

Kefahaman mengenai falsafah dan motif seni ukiran kayu Melayu penting untuk dijadikan panduan penganalisaan hasil seni ukiran kayu Melayu. Seni ukiran kayu mengandungi beberapa elemen untuk menjadikannya lebih berseni. Menurut Wan Mustapha (2009) elemen estetik, motif dan falsafah adalah unsur utama yang membezakan sesuatu ukiran berseni atau tidak. Falsafah seni ukir kayu Melayu di Semenanjung Malaysia boleh dikatakan hampir sama di semua negeri. Hal ini berkemungkinan daripada pengukir-pengukir yang ada di setiap negeri itu belajar daripada guru yang sama. Sebagai contoh, seorang pengukir kayu yang terkenal

dari Besut, Terengganu iaitu Allahyarham Wan Su Othman telah menjadi tempat rujukan dan pembelajaran dari pelbagai peringkat lapisan masyarakat baik dari dalam negara maupun dari luar negara. Secara tidak langsung, pelajaran ini akan dibawa pulang dan diamalkan di tempat masing – masing.

Kini, kebanyakan pengukir Melayu di Malaysia amat memegang kuat pada falsafah Islam. Walaupun sebelum ini, terhasilnya banyak ukiran yang bersifat figuratif atau makhluk bernyawa terutamanya pada ukiran wayang kulit dan keris-keris Melayu. Namun begitu, hiasan Awam Larat adalah merupakan hiasan utama dalam ukiran banyak pengukir. Sebagai contoh, Gambar 4.6 menunjukkan disinilah sebenarnya tersembunyi satu falsafah masyarakat Melayu. Hal ini menggambarkan bahawa di alam kejadian Tuhan ini ada perkara-perkara yang tidak dapat kita kenal pastikan permulaannya tetapi sebenarnya permulaan itu wujud, tetapi akal kita tidak mampu mendapatkan jawapan kepada persoalan itu (Wan Mustafa, 2009).



Gambar 4.6: Ukiran Sorok Punca

Sumber: Ukiran Melayu Tradisi

Jadual 4.3: Peranan Pengukir Dalam Pemuliharaan Seni Ukir

Item	YA		TIDAK	
	N	%	N	%
1. Pengukir merupakan seorang yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang seni ukiran.	197	98	4	2
2. Pengukir merupakan penggerak utama dalam usaha mengekalkan seni ukiran.	196	97.5	5	2.5
3. Pengukir haruslah menurunkan kemahiran kepada kumpulan pelapis supaya mempunyai kesinambungan dalam bidang ukiran.	198	98.5	3	1.5
4. Seseorang pengukir hendaklah mengenali budaya dan sejarah ukiran tempatan dalam mengekalkan ukiran pada masa akan datang.	198	98.5	3	1.5
5. Pengukir perlulah berganding bahu dengan pihak tertentu bagi memulihara seni ukiran seperti mengadakan bengkel mengenai ukiran.	198	98.5	3	1.5
6. Pengukir perlulah mendokumenkan nilai serta falsafah dalam sesebuah ukiran.	198	98.5	3	1.5

(N= Kekerapan, % = Peratus)

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Kesimpulannya, berdasarkan analisis Bahagian C soal selidik ini, didapati majoriti komuniti dan pengukir Kampung Raja, Besut bersetuju bahawa pengukir berperanan utama dalam mengekalkan warisan seni ukir. Hal ini dapat dibuktikan melalui analisis data majoriti responden iaitu pengukir haruslah menurunkan kemahiran kepada generasi seterusnya supaya mempunyai kesinambungan dalam bidang ukiran. Malah, rata-rata responden menyokong pengukir juga perlu berkerjasama dengan pihak tertentu dalam mengekalkan ukiran. Secara tidak langsung, analisis kajian ini merumuskan pengukir adalah penggerak utama terhadap pengekalan seni ukir termasuklah mendokumenkan falsafah ukiran.

4.2.4 Potensi Pemuliharaan Seni Ukir Sebagai Identiti Melayu

Analisis data berkaitan potensi pemuliharaan seni ukir diperoleh dalam bahagian D borang soal selidik yang dipersembahkan dalam Jadual 4.4. Bahagian ini bertujuan untuk menguji pengetahuan dan penglibatan komuniti Kampung Raja, Besut terhadap potensi pemuliharaan seni ukir yang boleh dianggap identiti warisan.

Hasil tinjaun bagi item 1, *seni ukiran merupakan unsur seni yang diterjemahkan dalam bentuk barang* menunjukkan seramai 172 orang responden (85.5%) yang sangat bersetuju berbanding 19 orang responden setuju (9.5%) dan hanya 10 orang responden sahaja (5%) tidak pasti. Menurut Norazit (2001), seni ukiran dapat dipersembahkan dalam pelbagai bentuk barang. Sebagai contoh, peralatan di rumah banyak menggunakan seni ukiran Melayu seperti kukur kelapa (Gambar 4.7 dan 4.8) dan sengkalan (Gambar 4.9). Kebiasaannya kayu yang digunakan untuk peralatan adalah kayu yang boleh didapati di sekitar rumah seperti pokok kayu leban, nangka dan cengal.



Gambar 4.7: Kukur Bermotifkan Jari Buaya

Sumber: Muzium Negara, 1974



Gambar 4.8: Kukur Bermotifkan Bunga Kedudu

Sumber: Muzium Negara, 1974



Gambar 4.9: Sengkalan

Sumber: Muzium Negara, 1974

Manakala seni ukiran kayu Melayu dalam bentuk perhiasan diri pula mempunyai seni ukiran yang sangat halus. Seperti keris (Gambar 4.10) yang hulunya diukir menggunakan kayu kenaung dan kemuning.



Gambar 4.10: Hulu Keris Tanjong

Sumber: Farish Noor dan Eddin Khoo, 2003

Selain itu, berdasarkan item 2 iaitu *seni ukiran dapat dipromosikan sebagai produk pelancongan* menunjukkan secara majoriti responden iaitu seramai 176

orang responden (88.1%) sangat setuju berbanding hanya seramai 15 orang responden sahaja (7.1%) setuju dan hanya seramai 10 orang responden sahaja (4.8%) sahaja tidak pasti. Selain itu, kenyataan item 3 iaitu *seni ukiran berpotensi menyumbang kepada ekonomi negara* menunjukkan seramai 179 orang responden (89.5%) sangat bersetuju berbanding hanya 14 orang responden (6.7%) setuju dan hanya 8 orang responden (3.8%) tidak pasti. Menurut kajian Prof Dr Awang Had Salleh (2003), meletakkan pelancongan budaya sebagai salah satu aset bagi pendapatan negara. Kita menyedari bahawa warisan dan kebudayaan adalah satu bahan yang boleh ‘dijual’ dalam urusan ini. Untuk merealisasikan matlamat ini, pendekatan yang diambil oleh industri pelancongan adalah seperti bahan warisan yang tinggi keunikannya adalah dianggap aset kepada industri pelancongan. Hal ini termasuklah industri seni ukiran.

Seterusnya, data analisis kajian responden menunjukkan seramai 176 orang responden (88.1%) menyokong dengan sangat bersetuju dengan kenyataan 4 iaitu *seni ukiran mampu berkembang maju selaras dengan perkembangan teknologi semasa* berbanding 17 orang responden (8.1%) setuju dan hanya 8 orang responden (3.8%) sahaja tidak pasti kenyataan tersebut. Zaitie Satibi (2019) menyatakan seiring peredaran zaman, ia banyak mengubah kaedah mengukir apabila peralatan berdasarkan sains dan teknologi mula mengambil tempat. Kemunculan mesin ukiran dan pemotongan laser dalam pembuatan ukiran kayu memberi nilai tambah terutama kepada kraf moden. Melalui mesin ukiran dan pemotongan laser, pelbagai ukiran seperti bait perkataan, imej dan potret wajah diterbitkan semula pada permukaan kayu dengan kesan yang jelas. Mengambil masa yang singkat dalam menyiapkan ukiran adalah antara kelebihan kaedah ini berbanding cara tradisional. Mesin ini juga adalah teknologi yang menggunakan sinar plasma untuk kerja

mengukir atau menggores dan memotong material tertentu tetapi menggunakan komputer serta perisian program khusus. Kualiti ukiran daripada laser ini juga terperinci dan mampu memberi nilai seni yang baik, selain prosesnya yang sangat cepat. Menurut Yu Azman Hamid (2019), menyatakan walaupun kerja mengukir atau menggores kayu mengikut reka corak yang tertentu menggunakan sepenuhnya bantuan mesin, ia masih memerlukan kemahiran dan asas yang tinggi untuk membentuk setiap inci ukiran. Sebelum laser digunakan, rekaan motif atau imej yang ingin diukir perlu dibuat menggunakan perisian komputer.



Gambar 4.11: Proses mengukir kraf kayu menggunakan mesin laser

Sumber: Harian Metro, 2019



Gambar 4.12: Kraf kayu hasil goresan laser

Sumber: Harian Metro, 2019

Selain itu, kenyataan item 5 iaitu *program dan kempen warisan mampu mengekalkan seni ukiran* menunjukkan seramai 174 orang responden (87.1%) sangat setuju berbanding 15 orang responden (7.1%) setuju dan hanya 10 orang responden (4.8%) tidak pasti serta hanya 2 orang responden (1%) sahaja tidak setuju. Hal ini dapat dilihat pada tahun 2020, satu bengkel diadakan yang menggabungkan pelapis dalam legasi seni ukiran iaitu Bengkel Adaptasi dan Aplikasi Ukiran Untuk Produk Premium Berasaskan Kayu anjuran Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) dan anak syarikatnya, CTCS Worldwide Sdn Bhd (CWSB). Bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pengukir-pengukir muda tempatan terutamanya dalam memahami falsafah dan identiti ukiran kayu tradisional Melayu. Malah ia antara usaha dilihat mampu memberikan nafas baharu kepada idea dan inspirasi pengukir muda tempatan.

Kenyataan item 6, *saya akan menyertai kelas atau bengkel kemahiran seni ukiran yang akan dijalankan oleh pihak tertentu* menunjukkan seramai 179 orang

responden (89.6%) sangat setuju dan 11 orang responden (5.2%) setuju berbanding dengan hanya 8 orang responden (3.8%) tidak pasti dan hanya 3 orang responden (1.4%) sahaja tidak setuju. Hal ini dapat dikaitkan dengan pengambilan pelatih Program Seni Kraf Warisan Yayasan Diraja Sultan Mizan yang mana menawarkan latihan seni ukiran kayu menunjukkan masih diminati dan penglibatan generasi muda dalam mengekalkan warisan seni ukiran.

Manakala seramai 177 orang responden (88.6%) menyokong dengan sangat setuju terhadap kenyataan item 7 iaitu *saya pernah mempelajari dan menguasai seni ukiran* berbanding 14 orang responden (6.7%) setuju serta 7 orang responden (3.3%) tidak pasti dan hanya 3 orang responden (1.4%) sahaja menolak dengan tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Bagi item 8, *pada pandangan anda, wajarkah seni ukiran dijadikan identiti masyarakat Melayu* menunjukkan seramai 187 orang responden (93.2%) sangat setuju berbanding hanya 10 orang responden (4.8%) setuju dan seramai 4 orang responden (2%) tidak pasti dengan kenyataan ini. Analisis data menunjukkan majoriti pandangan responden menyokong bahawa seni ukiran dijadikan identiti masyarakat Melayu. Bukti, dapat dilihat dengan pengaplikasian ukiran kayu Melayu dalam sesuatu produk serta menjadi nilai tambah kepada seni bina di Malaysia. Ketahanan kayu sebagai bahan binaan terbukti dengan adanya peninggalan binaan rumah, istana dan masjid tradisi lama di Malaysia. Seni bina tradisi ini telah menonjolkan seni ukiran kayu Melayu yang menggambarkan ciri-ciri seni bina tradisi Melayu dan keunikan budaya bangsa Melayu di masa lampau sekaligus membentuk identiti masyarakat Melayu (Faizal, 2011).

Kenyataan item 9 iaitu *pada pendapat anda, adakah generasi kini akan mewarisi warisan seni ukiran* menunjukkan seramai 188 orang responden (93.8%)

sangat bersetuju dan seramai 8 orang responden (3.8%) setuju berbanding yang tidak pasti iaitu 5 orang responden (2.4%). Hal ini jelas menunjukkan generasi kini akan mewarisi bidang seni ukiran sama ada pembelajaran secara langsung atau secara tidak langsung melalui media massa dan sebagainya. Penglibatan media massa dalam proses pembelajaran melalui internet dapat meningkatkan prestasi seseorang (Chang, 2001). Ia bukan sahaja dapat meningkatkan prestasi, malah seseorang itu berpotensi untuk berfikir secara proaktif, kreatif, dan inovatif serta melahirkan generasi yang akan menbangunkan negara khususnya dalam bidang seni ukiran.

Jadual 4.4: Potensi Pemuliharaan Seni Ukir Sebagai Identiti Melayu

Item	SANGAT TIDAK SETUJU		TIDAK SETUJU		TIDAK PASTI		SETUJU		SANGAT SETUJU	
	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%
1. Seni ukiran merupakan unsur seni yang diterjemahkan dalam bentuk barang.	0	0	0	0	10	5	19	9.5	172	85.5
2. Seni ukiran dapat dipromosikan sebagai produk pelancongan.	0	0	0	0	10	4.8	15	7.1	176	88.1
3. Seni ukiran berpotensi menyumbang kepada ekonomi negara.	0	0	0	0	8	3.8	14	6.7	179	89.5
4. Seni ukiran mampu berkembang maju selaras dengan perkembangan teknologi semasa.	0	0	0	0	8	3.8	17	8.1	176	88.1
5. Program dan kempen warisan mampu mengekalkan seni ukiran.	0	0	2	1	10	4.8	15	7.1	174	87.1

6. Saya akan menyertai kelas atau bengkel kemahiran seni ukiran yang akan dijalankan oleh pihak tertentu.	0	0	3	1.4	8	3.8	11	5.2	179	89.6
7. Saya pernah mempelajari dan menguasai seni ukiran.	0	0	3	1.4	7	3.3	14	6.7	177	88.6
8. Pada pandangan anda, wajarkah seni ukiran dijadikan identiti masyarakat Melayu?	0	0	0	0	4	2	10	4.8	187	93.2
9. Pada pendapat anda, adakah generasi kini akan mewarisi warisan seni ukiran?	0	0	0	0	5	2.4	8	3.8	188	93.8

(N=Kekerapan, %=Peratus)

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Kesimpulannya, berdasarkan analisis bahagian D soal selidik, didapati majoriti komuniti Kampung Raja, Besut sangat bersetuju mengenai seni ukiran lambang kepada identiti masyarakat Melayu. Hal ini dapat dibuktikan melalui analisis data responden menyokong kenyataan tersebut sebagai impak positif terhadap pemuliharaan warisan seni ukiran. Selain itu, dengan adanya program dan kempen mengenai seni ukiran hal ini dapat mengekalkan warisan khususnya generasi kini. Melalui analisis data kajian mendapati bahawa majoriti menyokong bahawa generasi kini akan mewarisi seni ukiran.

4.3 SENI UKIRAN DAN IDENTITI

Menurut Henri Tajfel dan John Turner (1970), terdapat dua proses kognitif yang berkaitan dengan identiti sosial iaitu pengkategorian sosial dan pengenalan sosial.

Proses pertama iaitu pengkategorian sosial adalah proses kita menyusun individu ke dalam kumpulan sosial untuk memahami dunia sosial kita. Proses kedua iaitu pengenalan sosial adalah mengenai proses mengenal pasti sebagai ahli kumpulan. Mengenal pasti secara sosial dengan kumpulan menyebabkan individu berkelakuan dengan cara yang mereka percaya anggota kumpulan itu harus berkelakuan.

Oleh itu, pendekatan Henri Tajfel dan John Turner (1970) dalam Teori Identiti Sosial digunakan bagi menganalisis proses yang mempengaruhi kognitif responden kajian. Berdasarkan analisis soal selidik menunjukkan pengkategorian sosial dan pengenalan sosial mempengaruhi kognitif komuniti terhadap seni ukiran iaitu daripada aspek pengetahuan sejarah perkembangan seni ukiran, peranan pengukir dan potensi seni ukir yang boleh dijadikan identiti masyarakat Melayu. Perbincangan ini dijelaskan seperti kerangka teoritikal berikut:


Pemuliharaan Seni Ukir Sebagai Identiti Warisan Melayu: Tinjauan di Kampung Raja, Besut, Terengganu


Teori Identiti Sosial (Henri Tajfel & John Turner, 1970)

Proses dalam menentukan masyarakat melalui dua proses kognitif identiti sosial

Pengkategorian sosial adalah proses untuk kita menyusun individu ke dalam kumpulan sosial untuk memahami dunia kita.

Pengenalan sosial adalah seperti proses mengenal pasti antara ahli kumpulan.





Rajah 4.1: Kerangka Teoritikal Pemuliharaan Seni Ukir Sebagai Identiti Warisan Melayu: Tinjauan di Kampung Raja, Besut, Terengganu

4.3.1 Proses Pengkategorian Sosial

Proses pengkategorian sosial yang mempengaruhi kognitif responden terhadap seni ukiran membolehkan kita menentukan orang, termasuk diri kita dan berdasarkan kumpulan yang kita anggap. Kita cenderung untuk menentukan orang berdasarkan kategori sosial yang lebih kerap daripada ciri-ciri mereka. Pengkategorian sosial umumnya menghasilkan penekanan pada persamaan orang dalam kumpulan yang sama dan perbezaan antara orang dalam kumpulan yang berasingan. Seseorang boleh tergolong dalam pelbagai kategori sosial, tetapi kategori yang berbeza akan menjadi lebih penting bergantung kepada keadaan sosial.

Berdasarkan analisis dapatan kajian melalui soal selidik yang diedarkan, majoriti responden berbangsa Melayu yang berpengetahuan dalam bidang seni ukir kerana masih menjaga warisan seni ukiran sebagai lambang masyarakat Melayu. Hal ini kerana, pengalaman responden berbangsa Melayu yang telah didedahkan

dengan seni ukiran sebagai nilai tambah proses budaya masyarakat Melayu. Ia dapat dikaitkan jika kita boleh menugaskan orang ke kategori, maka dengan itu kita memberitahu perkara tentang orang tersebut. Begitu juga, kita mengetahui sesuatu tentang diri kita dengan mengetahui kategori yang kita tergolong.

Selain itu, hasil analisis kajian mendapati segelitir responden mewakili generasi kini kurang berminat untuk meneruskan warisan seni ukiran. Hal ini selari dengan pengkategorian sosial iaitu seseorang individu boleh tergolong dalam pelbagai kumpulan yang berbeza. Seperti yang dinyatakan Zulkifli Hanafi (2008) golongan muda atau generasi baru sekarang tidak arif atau tidak tertarik untuk mempraktikkan seni ukiran kayu Melayu ini dalam kehidupan mereka.

Proses pengkategorian sosial mempengaruhi kognitif responden kajian yang dianalisis menunjukkan penilaian negatif individu khususnya dalam kalangan responden yang berbangsa Melayu terhadap seni ukiran. Seni ukiran kurang mendapat tempat dalam kalangan generasi muda disebabkan pandangan dan penilaian negatif. Begitu juga, faktor lain yang menyebabkan menurunnya penerapan seni ukiran kayu pada reka bentuk seni bina Malaysia, adalah disebabkan berkurangnya pemahaman agenda pembangunan identiti seni bina di Malaysia. Menurut Kamarul Afizi Kosman (2009) hal ini berpunca daripada kelemahan proses penyebaran identiti tersebut dalam kalangan masyarakat. Othman Yatim (2009) menyokong kenyataan ini dengan menunjukkan dokumentasi seni ukiran kayu yang sedia ada pada masa ini yang dilihatnya seolah berterburu dan tiada penyelarasaran antara institusi pengajian, sehingga keadaannya mengelirukan.

4.3.2 Proses Pengenalan Sosial

Proses pengenalan sosial merupakan salah satu kognitif yang utama terhadap kognitif responden. Proses ini memberi maksud kita boleh menerima pakai identiti kumpulan yang telah kita kategorikan sebagai milik. Berdasarkan analisis kajian menunjukkan responden daripada komuniti dan pengukir Kampung Raja, Besut yang mengkategorikan diri mereka sebagai pihak berkepentingan dimana kemungkinan besar mereka mempratikkan seni ukiran dan bertindak dalam memelihara seni ukiran. Hal ini demikian kerana seni ukiran yang bertapak di Kampung Raja, Besut telah lama sekaligus membolehkan seni ukiran dapat meningkatkan ekonomi negara.

Walau bagaimanapun, akan ada kepentingan emosi untuk mengenal ahli kumpulan dan harga diri mereka akan menjadi terikat dengan keahlian kumpulan. Hal ini berdasarkan analisis kajian yang menunjukkan sebahagian individu tidak pernah untuk mempelajari seni ukiran dan perkembangan seni ukiran dari satu masa ke masa. Namun dalam masa yang sama mereka berusaha berkelakuan dengan cara yang mereka percaya anggota kumpulan itu harus berkelakuan. Melalui proses ini, orang dilaburkan secara emosional dalam keahlian kumpulan mereka. Akibatnya, harga diri mereka dipengaruhi oleh status kumpulan mereka.

Pengenalan kepada seni ukiran kayu mewakili tiga zaman iaitu zaman Langkasuka, zaman tradisional dan zaman kontemporari. Setiap karya ukiran pada zaman ini berbeza bentuk perubahan. Motif dalam seni ukiran adalah suatu perhiasan yang diukir dalam dua atau tiga demensi, kemudian disusun dan digubah untuk dijadikan pola atau corak tertentu. Motif ukiran Melayu juga boleh dibagikan kepada empat era iaitu motif Melayu Langkasuka (kelopak dewa), motif

bunga Melayu tua (kelopak maya), motif Melayu daun hidup (kelopak hidup) dan motif kontemporari (bebas).

Motif ukiran yang melambangkan pengenalan sosial bagi pengukir Norhaiza Noordin iaitu berteraskan motif tumbuh-tumbuhan atau motif daun hidup (kelopak hidup). Ukiran gaya ini dikatakan terbentuk daripada elemen semula jadi dan hasil gubahan pengukir itu sendiri. Norhaiza menerapkan prinsip tidak mahu karyakaryanya sama seperti orang lain. Hal ini demikian kerana beliau cuba berusaha membawa identiti sendiri dengan mengetengahkan ukiran seumpama lukisan hidup atau lebih mudah dipanggil lukisan tiga dimensi (3D). Namun, dalam masa yang sama masih mengekalkan penggunaan awam larat yang sinonim dengan ukiran Melayu. Tambahan pula, beliau juga gemar mencari kelainan dengan membuat seni ukiran yang bermotifkan flora dan fauna serta tumbuh-tumbuhan sebagai motif utama dalam ukirannya. Hasil kerja tangan beliau boleh dilihat pada hiasan dalam di Taman Tasik Perdana, Kuala Lumpur, pada pagar dan pintu gerbang Surau Jerteh, Terengganu, cokmar Universiti Malaysia Kelantan serta lain-lain. Hal ini demikian kerana kehalusan dan ketelitian dalam setiap hasil ukirannya, tempahan yang diterima bukan hanya dari dalam negara bahkan juga dari luar negara.

Kesimpulannya, proses utama yang dikenalpasti berdasarkan analisis melalui Teori Identiti Sosial (1970) menunjukkan tindakbalas kognitif komuniti dan pengukir Kampung Raja, Besut terhadap seni ukiran melibatkan proses pengkategorian sosial dan pengenalan sosial. Kognitif responden dapat dilihat berdasarkan penerimaan dan penolakan responden terhadap seni ukiran. Hasil kajian ini mendapati dua proses kognitif utama dalam kalangan responden dan disokong secara langsung yang memberi kesan dalam mempengaruhi kognitif responden. Justeru, langkah ke arah

menghidupkan seni ukiran perlu diperkasa secara berterusan bagi memulihara warisan ini untuk generasi seterusnya.

4.4 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, seramai 210 orang responden daripada komuniti dan pengukir Kampung Raja, Besut dipilih untuk mengkaji pemuliharaan seni ukir sebagai identiti masyarakat Melayu. Hasil dapatan kajian melalui soal selidik yang dianalisis menunjukkan majoriti responden mempunyai pengetahuan tentang warisan seni ukir dari segi sejarah dan perkembangan seni ukiran. Tinjauan ini juga didapati bahawa warisan seni ukiran merupakan identiti masyarakat Melayu yang harus dikekalkan untuk generasi seterusnya.

Analisis kajian yang menggunakan Teori Identiti Sosial (1970) berjaya menemukan proses-proses kognitif yang memberi kesan kepada penerimaan komuniti dan pengukir Kampung Raja, Besut terhadap seni ukiran. Penerimaan responden ini dipengaruhi oleh dua proses kognitif dalam memberi tindakbalas terhadap soalan selidik. Tinjauan terhadap responden ini adalah dalam kategori proses pengkategorian sosial dan proses pengenalan sosial. Melalui dua proses ini juga, sebahagian daripada responden menghidupkan seni ukiran dalam kehidupan sehari-hari sekaligus membentuk identiti sosial dalam kalangan mereka. Sebagai contoh, menjadi nilai tambah kepada perhiasaan dinding, perabot dan sebagainya.

Tuntasnya, tinjauan responden terhadap seni ukiran adalah ditahap baik dan memuaskan. Meskipun terdapat beberapa orang dalam kalangan responden kurang pasti mengenai seni ukiran khususnya responden selain bangsa Melayu seperti India dan bangsa lain. Walau bagaimanapun mereka masih berminat dalam mempelajari dan mengenali warisan ini.

BAB V

RUMUSAN, CADANGAN DAN PENUTUP

5.1 RUMUSAN KAJIAN

Bab ini membincangkan ringkasan keseluruhan bab yang dikaji iaitu dari bab I hingga bab IV. Ringkasan keseluruhan bab ini berkaitan dengan tinjauan pemuliharaan seni ukir di Kampung Raja, Besut yang boleh dianggap identiti warisan masyarakat Melayu. Bab ini juga merangkumi bahagian pengenalan, sorotan kajian literatur dan metodologi kajian iaitu kaedah yang diguna dalam proses pengumpulan data kajian. Seterusnya, penganalisisan data bagi dapatan kajian diperoleh dari pengumpulan data dan menjadi hasil akhir yang menggunakan kaedah yang dipilih. Manakala, rumusan pada bab akhir merupakan keseluruhan akhir hasil terhadap kesan kepada warisan seni ukiran.

Bab I membincangkan mengenai pengenalan kajian yang merangkumi permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, definisi operasional, kepentingan kajian dan organisasi penulisan. Secara ringkasnya, kaedah kajian bab ini membincangkan mengenai proses pengumpulan data yang dilakukan oleh pengkaji. Hal ini demikian kerana setiap data yang dikumpul akan membantu dalam proses analisis bagi mencapai objektif kajian. Hasil dapatan mendapati, warisan seni ukiran merupakan identiti masyarakat Melayu yang menjadi satu tradisi serta budaya dalam bidang seni pertukangan tangan. Kajian ini juga penting untuk mengetahui kognitif pemuliharaan seni ukiran yang diambil oleh komuniti dan pengukir untuk generasi seterusnya. Kajian ini juga memberi kesan dalam penilaian komuniti kini terhadap warisan yang diambah kepupusan. Hal ini secara tidak langsung kajian ini dapat memastikan warisan seni

ukiran dapat dikekalkan dengan menambahkan sumber ilmiah terutamanya dalam konteks dokumentasi ilmiah mengenai proses pemuliharaan warisan seni ukiran dalam kalangan masyarakat.

Bab II pula membincangkan mengenai sorotan kajian lepas, teori dan kerangka teoritikal bagi kajian ini. Sorotan kajian lepas diambil berdasarkan jurnal, buku, tesis dan artikel. Dalam kajian ini, sorotan kajian lepas mengenai seni ukiran yang dikenalpasti adalah sebanyak 17 kajian lepas oleh pengkaji terdahulu. Pelbagai pandangan yang turut diutarakan mengenai warisan seni ukiran. Manakala, kerangka teoritikal dan Teori Identiti Sosial (1970) digunakan dalam kajian ini bagi mengetahui dengan lebih jelas pengetahuan mengenai kognitif komuniti dan pengukir terhadap pemuliharaan seni ukiran. Walau bagaimanapun, kajian ini juga merupakan kajian yang pertama yang mengkaji tinjauan pemuliharaan seni ukiran di Kampung Raja, Besut dengan menggunakan Teori Identiti Sosial (1970).

Seterusnya, proses pengumpulan data, kaedah analisis data serta kesahan dan kebolehpercayaan kajian yang dibincangkan dalam Bab III. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif bagi proses pengumpulan data bagi satu populasi. Manakala kaedah kualitatif digunakan bagi menghasilkan data secara gambaran yang boleh diamati pada akhirnya. Malah, kajian ini juga menggunakan dua teknik dalam pengumpulan data kajian iaitu data primer dan data sekunder. Data primer meliputi kaedah pengumpulan data melalui responden dalam borang soal selidik. Data sekunder pula diperoleh berdasarkan sumber data yang secara tidak langsung bagi mengukuhkan data primer iaitu melalui buku, jurnal, artikel dan tesis. Selain itu, kesahan dan kebolehpercayaan pula merupakan sesuatu instrument penting bagi memastikan dapatan yang diperoleh dapat dipercayai dan tidak dipersoalkan.

Bab berikutnya adalah Bab IV yang membincangkan dapatan hasil kajian yang diperoleh melalui kaedah soal selidik. Segala maklumat yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah deskriptif statistik iaitu kekerapan dan peratusan yang dipersembahkan dalam bentuk jadual bagi memastikan objektif yang ditetapkan tercapai. Seni ukiran masih diaplikasikan dalam kalangan masyarakat yang hanya menjadi nilai tambah kepada sesuatu produk. Hal ini demikian kerana kurang pendedahan serta penglibatan komuniti mengenai seni ukiran masih ditahap yang rendah. Oleh itu, langkah pemuliharaan seni ukiran perlu diambil serius terutamanya generasi kini kerana mereka pewaris seni ukiran untuk generasi seterusnya.

5.2 CADANGAN

Seni ukiran merupakan identiti masyarakat Melayu yang harus dikekalkan dari satu generasi ke satu generasi. Bagi mengekalkan warisan ini, langkah yang wajar perlu diselaraskan dengan pemerkasaan berterusan. Oleh itu, cadangan pemuliharaan seni ukiran perlu dimartabatkan semula dengan mempelbagaikan perlaksanaan baharu supaya seni warisan ini tidak lenyap begitu sahaja. Langkah pelestarian warisan seni ukiran juga perlu diberi penekanan oleh pihak kerajaan dan institusi di seluruh Malaysia. Antara langkah-langkah pemuliharaan seni ukiran ialah melalui:

5.2.1 Pemantapan sistem pendidikan negara di peringkat pengajian tinggi

Terdapat pelbagai strategi dalam memperkasakan seni ukiran. Antaranya ialah melalui sistem pendidikan negara di peringkat pengajian tinggi. Hal ini demikian kerana tiada kursus khas yang ditawarkan oleh universiti untuk mempelajari bidang seni ukiran secara lebih mendalam. Langkah ini bertujuan memastikan seni ukiran mempunyai kesinambungan dan terus dikembangkan oleh generasi kini. Melalui

sistem pendidikan juga dapat dijadikan sebagai medium memartabatkan seni ukiran di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia.

5.2.2 Pemerkasaan seni ukiran dengan mempelbagaikan pendokumentasian dan penerbitan

Pengaplikasian seni ukiran perlu dipergiatkan dengan usaha yang dimainkan oleh pihak kerajaan dalam merealisasikan impian negara bagi menghidupkan seni ukiran. Oleh itu, Malaysia perlu cakna dengan merangka pelbagai transformasi ke arah pembudayaan warisan ini. Negara Malaysia perlu mencontohi negara luar dalam proses pemampanan warisan budaya seperti negara Indonesia yang banyak mendokumentasi dan menterjemahkan falsafah seni ukiran. Hal ini bagi proses pemerkasaan dan pembudayaan dalam kalangan masyarakat sebagai lambang identiti bangsa. Penerbitan seni ukiran perlu diperluaskan dalam bentuk majalah, risalah, buku dan seumpamanya untuk diperkenalkan nilai dan falsafah disebalik seni ukiran kepada setiap lapisan masyarakat.

5.2.3 Menganjurkan bengkel, seminar dan latihan penguasaan seni ukiran

Bagi memulihara warisan seni ukiran, penglibatan semua pihak sangatlah penting untuk mengekalkan warisan seni ukiran. Penglibatan pihak kerajaan dalam usaha mengekalkan kegiatan seni ukir diharap akan menggalakkan penglibatan golongan terlibat dan menjadikan kegiatan ini sebagai satu kerjaya mereka. Seperti mana Majlis Amanah Rakyat (MARA) perlu mengambil langkah-langkah dalam usaha untuk memajukan perkembangan seni ukir. Antaranya termasuklah pemberian bantuan serta pinjaman kewangan kepada individu-individu dalam bidang ini supaya mengembangkan lagi perusahaan seni ukir masing-masing. Malah lebih jauh

dari itu, MARA juga perlu membuka bengkel di beberapa tempat di Malaysia bagi memberi latihan kepada belia-belia tempatan yang berminat.

Selain itu, dengan penubuhan pusat kegiatan seni ukir diharap boleh mempamerkan pelbagai jenis atau corak seni ukir yang dihasilkan oleh masyarakat setempat. Pusat ini juga boleh mempamerkan hasil seni ukir yang dihasilkan oleh masyarakat dahulu-kala. Dalam masa yang sama, penglibatan komuniti juga menjadi aset penting untuk meneruskan kegiatan seni ukir yang telah diwarisi sejak temurun. Sekiranya penglibatan individu gagal direalisasikan kemungkinan kesenian ini akan lenyap begitu sahaja. Kegiatan ini disusuli oleh sokongan dari komuniti Kampung Raja, Besut itu sendiri bagi memastikan kesenian ukiran kayu tidak pupus dan dapat dikekalkan generasi seterusnya. Hal ini dapat dilihat dengan penglibatan secara langsung komuniti terhadap anjuran bengkel, seminar dan latihan yang diadakan oleh mana-mana pihak.

5.2.4 Pemerkasaan seni ukiran selaras dengan teknologi semasa

Seni ukiran kayu dalam kalangan masyarakat Melayu lazim terdapat pada rumah, alat permainan, alat muzik tradisi, perabot, alatan dapur dan pengangkutan tradisi. Seiring dengan peredaran zaman, industri ukiran perlulah mengubah kaedah mengukir dengan teknologi terkini. Hal ini seajar dengan kemunculan mesin ukiran dan pemotongan laser dalam pembuatan ukiran kayu memberi nilai tambah terutama kepada kraf moden. Dengan penggunaan teknologi moden dalam ukiran sedikit sebanyak dalam memudahkan kerja yang sukar serta menjimatkan masa. Dalam masa yang sama, dapat menghasilkan banyak produk dengan mengurangkan penggunaan tenaga kerja.

5.3 PENUTUP

Secara keseluruhannya, warisan seni ukiran merupakan identiti masyarakat Melayu hasil manifestasi keintelektualan masyarakat terdahulu dalam mewujudkan suatu keunikan yang menjadi lambang identiti Melayu. Namun, kebelakangan ini generasi muda kurang berminat mempelajari seni ukiran sekaligus memberi impak negatif kepada industri seni ukiran.

Sejarah ukiran yang bertapak di Kampung Raja, Besut mempunyai keunikan yang tersendiri. Hal ini demikian kerana sejarah ukiran mempunyai kaitan dengan sistem pemerintahan raja. Dalam pada itu, tokoh-tokoh yang terkenal di Kampung Raja, Besut melibatkan diri secara langsung dalam kerja-kerja mengukir istana seperti Istana Tengku Long dan Istana Tengku Anjang Zainab. Kajian ini telah berjaya mengenalpasti bahawa warisan seni ukiran dijadikan sebagai identiti masyarakat Melayu. Berdasarkan kajian ini juga dapat menjelaskan bahawa ukiran Melayu adalah satu ragam hias yang menjadi lambang identiti dan daya kreativiti masyarakat Melayu.

Selain itu, cara terbaik untuk melestarikan seni ukiran adalah melalui penyampaian ilmu dalam kelompok masyarakat, sebagaimana dalam teori ilmu pengetahuan atau sosiologi yang diperlukan dalam usaha ini. Teori atau pendekatan ini menjelaskan betapa pentingnya masyarakat hari ini perlu memahami dan menyampaikan ilmu dari satu generasi ke generasi seterusnya. Kajian ini dikaji berdasarkan Teori Identiti Sosial (1970) bagi melihat pengetahuan terhadap pemuliharaan seni ukiran. Kajian ini memfokuskan kepada komuniti dan pengukir Kampung Raja, Besut dimana mendapati seni ukiran masih diaplikasikan dalam kehidupan seharian walaupun menjadi nilai tambah kepada sesuatu produk. Hal ini disebabkan proses kognitif yang mempengaruhi tindakbalas responden dalam membuat penilaian. Walau bagaimanapun, kognitif tentang seni ukiran perlulah diubah. Ukiran

selama ini agak ditepikan kerana orang menganggap ukiran itu hanyalah sebagai satu hiasan semata-mata. Hiasan boleh bertukar ganti apabila kita jemu melihatnya dan apabila kita merasakan hiasan yang kita miliki itu sudah ketinggalan zaman. Namun, apabila kita memahami ukiran bukan sekadar keindahan luaran tetapi mempunyai banyak ‘cerita’ di dalamnya kita akan lebih memahami dan menyayanginya. Ukiran sebenarnya bukanlah hiasan semata-mata tetapi dalam ukiran terdapat sejarah, budaya, falsafah dan sebagainya.

Tuntasnya, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk memberi kesedaran kepada semua lapisan masyarakat khususnya golongan muda yang merupakan aset terpenting dalam membantu mengekalkan warisan seni ukiran. Justeru, kajian ini menyumbang impak positif kepada masyarakat untuk lebih menghargai warisan ini pada masa akan datang. Secara tidak langsung, semua pihak harus bertanggungjawab dalam usaha pemuliharaan warisan seni ukiran agar identiti masyarakat Melayu tidak ditelan arus kemodenan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

RUJUKAN

- Abdul Kadir et al. (2018). *Seni dalam Islam: Kajian Khusus Terhadap Seni Ukir*. e-Journal of Islamic Thought and Understanding (e-JITU), 1(1), 1-15.
- Chua Yian Paw. (2011). *Buku Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Publisher McGraw-Hill Education.
- Daud et al. (2012). *Pengaplikasian Ukiran Kayu Melayu Dalam Seni Bina di Malaysia*. Journal of Design and Built Environment, 11, 1-14.
- Davina Cooper. (2014). *Challenging Diversity: Rethinking Equality and The Value of Difference*. London: Publisher Cambridge University Press
- Echoh et al. (2020). *Fungsi Upacara Miring Dalam Proses Pemuliharaan Kubu di Wilayah Tengah Sarawak: The Function of Miring As Part of The Fort Conversavation Process in Central Sarawak*. Journal of Borneo Social Transformation Studies, 6(1), 148-162.
- Hamat, M. R., & Yusoff, M. Y. M. (2020). *Motif Alam Flora Dalam Seni Ukiran Logam Halus Kelantan*. Jurnal Melayu, 19(1).
- Izani Mat. (2013). *Ekspresi Keperibadian Melayu di Sebalik Ukiran Kayu Tradisional*. KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni, 1.
- Johari et.al (2020). *Seni Ragam Hias Ukiran Warisan Peradaban Merong Mahawangsa*. KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni, 8(1), 1-10.
- Llah, F. H. A. (2011). Potensi ukiran kayu.

Makmur. (2014). *Perkembangan Seni Khat Ukir Melayu: Kajian Terhadap Karya-Karya Ukiran Kayu di Terengganu*. KUPAS SENI: Jurnal Seni dan Pendidikan Seni, 2.

Mardotillah, M., & Zein, D. M. (2017). *Silat: Identitas Budaya, Pendidikan, Seni Bela Diri, Pemeliharaan Kesehatan*. Jurnal Antropologi: Isu-Isu Sosial Budaya, 18(2), 121-133.

Norzaini et al. (2010). *Pendidikan Awam untuk Pemuliharaan Warisan: Kajian Kes Langkawi Geopark (Public Education for Heritage Conservation: A Case Study of Langkawi Geopark)*. Akademika, 80(1).

Sarifin, M. R., Sukimi, M. F., & Abdullah, A. (2018). *Integrasi Orang Bawean dalam Penggunaan Bahasa ke Arah Membina Bangsa Malaysia*. e-BANGI, 13(3), 133- 144.

Shamsuddin et al. (2019). *Teras Adat Perpatih Negeri Sembilan Sebagai Satu Keunikan Identiti Warisan Bangsa ('Adat Perpatih' Negeri Sembilan as a unique identity of National Heritage)*. Asian Journal of Environment, History and Heritage, 3 (2).

Yakin, H. S. M et al. (2020). *Impak Modernisasi dan Pengkomersilan Terhadap Keaslian Makanan Tradisi dan Identiti Budaya Etnik Kadazan-Dusun di Sabah*. Borneo International Journal eISSN 2636-9826, 2(4), 37-46.

Yusof et al. (2020). *Abd. Muhammin bin Hasbollah: Manifestasi Seni Ukiran Kayu Kontemporari*. Journal of Applied Arts, 2(1), 129-140.

Yusoff et al. (2021). *Masyarakat Orang Asli Jakun di Rompin, Pahang: Kajian terhadap Pemuliharaan Cerita Lisan (Jakun Orang Asli community in Rompin, Pahang: A study on the conservation of oral tradition)*. Jurnal Kajian Masyarakat, 1(1), 1-15.

Pahang: A study on the preservation of oral stories). Geografia-Malaysian Journal of Society

Yusoff et al. (2020). *Pemuliharaan Jerat Sembat Orang Asli Suku Temuan Di Kampung Gapam, Jasin, Melaka.* Jurnal Melayu.

Yusoff, M.Y.M. (2018). *Pemuliharaan Warisan Budaya Melalui Perundangan Warisan dan Agensi Pelaksana di Malaysia.* Jurnal Melayu, 2(17).

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

LAMPIRAN

BORANG SOAL SELIDIK

PEMULIHARAAN SENI UKIR SEBAGAI IDENTITI WARISAN MELAYU: TINJAUAN DI KAMPUNG RAJA, BESUT, TERENGGANU

Saya merupakan pelajar dari Universiti Malaysia Kelantan dalam jurusan Pengajian Warisan Dengan Kepujian. Soal selidik ini dijalankan bagi memenuhi kursus Projek Penyelidikan. Soal selidik ini juga bertujuan bagi mendapatkan data untuk dianalisis mengenai potensi pengekalan seni ukir sebagai satu identiti warisan Melayu. Segala maklumat yang diberikan adalah sulit dan hanya tujuan penyelidikan sahaja.

BAHAGIAN A: DATA DEMOGRAFI RESPONDEN

Tandakan (/) dalam ruang di bawah:

1. Jantina

- a) Lelaki
 - b) Perempuan

2. Umur

-) a) 18 – 25 tahun ()
 b) 26 – 35 tahun ()
 c) 36 – 45 tahun ()
 d) 46 – keatas ()

3. Bangsa

- a) Melayu
 - b) Cina
 - c) India
 - d) Lain-lain

4. Pekerjaan

- a) Sektor kerajaan ()
 - b) Sektor swasta ()
 - c) Bekerja sendiri ()
 - d) Tidak bekerja ()

BAHAGIAN B: PENGETAHUAN SEJARAH DAN PERKEMBANGAN SENI UKIR

Tandakan (/) dalam ruang jawapan YA atau TIDAK.

Pengetahuan Tentang Sejarah Perkembangan Seni Ukir	YA	TIDAK
1. Seni ukiran merupakan salah satu warisan masyarakat Melayu.		
2. Seni ukiran berubah dari segi motif, maksud dan tujuan.		
3. Seni ukiran adalah lambang dan simbol kekayaan bagi meletakkan darjat seseorang individu.		
4. Daerah Besut, Terengganu terkenal dengan ramai pengukir hebat dan berbakat besar.		
5. Sejarah perkembangan seni ukiran di Kampung Raja, Besut dikaitkan dengan sistem pemerintahan insitut beraja.		
6. Perkembangan seni ukiran di Besut, Terengganu dapat dilihat pada istana raja iaitu Istana Tengku Long.		
7. Istana Tengku Anjang Zahab mempunyai kaitan dengan sejarah pekembangan seni ukiran.		

BAHAGIAN C: PERANAN PENGUKIR DALAM PEMULIHARAAN SENI UKIR

Peranan Pengukir dalam Pemuliharaan Seni Ukir	YA	TIDAK
1. Pengukir merupakan seorang yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang seni ukiran.		
2. Pengukir merupakan penggerak utama dalam usaha mengekalkan seni ukiran.		

3. Pengukir haruslah menurunkan kemahiran kepada kumpulan pelapis supaya mempunyai kesinambungan dalam bidang ukiran.		
4. Seseorang pengukir hendaklah mengenali budaya dan sejarah ukiran tempatan dalam mengekalkan ukiran pada masa akan datang.		
5. Pengukir perlulah berganding bahu dengan pihak tertentu bagi memulihara seni ukiran seperti mengadakan bengkel mengenai ukiran.		
6. Pengukir perlulah mendokumenkan nilai serta falsafah dalam sesebuah ukiran.		

BAHAGIAN D: POTENSI PEMULIHARAAN SENI UKIR YANG BOLEH DIANGGAP IDENTITI

Potensi Pemuliharaan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
1. Seni ukiran merupakan unsur seni yang diterjemahkan dalam bentuk barang.					
2. Seni ukiran dapat dipromosikan sebagai produk pelancongan.					
3. Seni ukiran berpotensi menyumbang kepada ekonomi negara.					
4. Seni ukiran mampu berkembang maju selaras dengan perkembangan teknologi semasa.					

5. Program dan kempen warisan mampu mengekalkan seni ukiran.					
6. Saya akan menyertai kelas atau bengkel kemahiran seni ukiran yang akan dijalankan oleh pihak tertentu.					
7. Saya pernah mempelajari dan menguasai seni ukiran.					
8. Pada pandangan anda, wajarkah seni ukiran dijadikan identiti masyarakat Melayu?					
9. Pada pendapat anda, adakah generasi kini akan mewarisi warisan seni ukiran?					

UNIVERSITI
 ——————
 MALAYSIA
 ——————
 KELANTAN